



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SARAWAK

SIRI 1



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK Pengurusan Projek Bekalan Air Samalaju
13	PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK Pengurusan Ternakan Lembu PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. Di Australia
28	JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal
39	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL SARAWAK Pengurusan Projek Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak
51	SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN Amanah Saham Sarawak Berhad
73	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan "*AG's Dashboard*" yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Kementerian, 2 Jabatan, 1 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
21 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN KERJA RAYA

- Pengurusan Projek Bekalan Air Samalaju

1.1. Projek Bekalan Air Samalaju (BAS) adalah bertujuan untuk mengadakan satu rangkaian bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan industri di Taman Perindustrian Samalaju (TPS) dan kawasan persekitaran di Bahagian Bintulu. Taman Perindustrian Samalaju merupakan sebahagian daripada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy – SCORE*) yang tertumpu kepada industri berat serta berintensif tenaga dan terletak 60 kilometer dari Bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek BAS melalui 2 Fasa.

1.2. Peruntukan yang diterima oleh JKR daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) untuk projek BAS dari tahun 2007 hingga 2014 adalah sejumlah RM494.84 juta dan perbelanjaan setakat bulan November 2014 adalah sejumlah RM411.08 juta iaitu 83.1%.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek BAS adalah memuaskan dari segi perolehan kerja kontrak. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek dan ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Loji Rawatan Air (LRA) berkapasiti 5 MLD yang siap dibina pada bulan Julai 2011 tidak beroperasi sepenuhnya selepas *Chamber Muka Sauk Air Mentah Sika Diubah suai*.
- Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau bagi membekalkan air mentah kepada LRA 80 MLD masih dalam pembinaan dan telah lewat jadual 21% setakat bulan Disember 2014.

1.4. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek bekalan air adalah disyorkan:

1.4.1. Jabatan Kerja Raya Sarawak perlu memastikan agar pembinaan Peringkat 1 Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau disiapkan tidak melewati tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan Loji Rawatan Air 80 MLD yang telah siap pada bulan Mei 2014 yang mana belum lagi diuji dan dikomisen.

1.4.2. Kerajaan Negeri Sarawak perlu mengoptimumkan penggunaan Loji Rawatan Air 5 MLD.

1.4.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah menyelia dengan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek bagi memastikan segala masalah berkaitan pelaksanaan boleh diselesaikan segera. Jabatan Kerja Raya Sarawak juga hendaklah memastikan kerja-kerja dan laporan perunding adalah teliti bagi memastikan Terma Rujukan dan skop perunding dilakukan sepenuhnya.

1.4.4. Kementerian Kemudahan Awam Sarawak seharusnya menjalankan kajian menyeluruh terhadap kawasan tадahan yang telah dan belum diwartakan agar penyelesaian jangka panjang sumber air mentah dikenal pasti.

2. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

- Pengurusan Ternakan Lembu Ternak PPES Holdings Sdn. Bhd. Di Australia

2.1. Rosewood Station Pty. Ltd. (RSPL) merupakan anak syarikat PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. (THSB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Rosewood Station Pty. Ltd. diperbadan dan didaftarkan di Australia pada 30 Mac 1981 dengan modal berbayar sejumlah AUD1 juta. Visi RSPL adalah untuk menjadi pengeluar dan pembekal lembu yang digemari di Australia dengan misi untuk mengembangkan perniagaan secara mampan yang dapat memberi pulangan kepada pemegang saham dan juga sumbangan kepada masyarakat serta memberi kesan positif terhadap alam sekitar. Aktiviti utama RSPL adalah mengusaha ladang ternakan lembu dengan aktiviti sampingannya adalah penanaman gandum, sorghum dan barli. Lembu yang diternak oleh RSPL adalah dari baka kacukan Brahman Crossed iaitu kacukan Brahman dengan Charolais dan baka Angus.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2014 mendapati pengurusan ternakan lembu di Australia pada amnya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun objektif utama RSPL untuk membekal baka dan menambah bekalan lembu daging ke negeri Sarawak tidak dapat ditentukan kerana tiada kajian impak setakat ini dan data untuk menentukan pencapaian objektif ini. Secara ringkasnya penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Objektif utama RSPL untuk membekal lembu baka dan lembu pedaging berkualiti ke negeri Sarawak tidak lagi menjadi keutamaan kerana pertimbangan komersil serta prosedur pengeksportan lembu negara Australia melalui agen dan bukannya terus kepada RSPL.
- Rosewood Station Pty. Ltd. mengalami kerugian 4 tahun berturut-turut kecuali pada tahun 2012, trend prestasi jualan lembu dalam tempoh tersebut menurun dan kos kewangan bagi membayai ladang Strathmere yang tinggi.

- Pengurusan ladang kurang memuaskan di mana rekod aset, rekod penggunaan dan stok minyak serta stok *opportunistic crops* tidak diselenggarakan.
- Pemantauan oleh PPES di peringkat pengurusan syarikat perlu dimantapkan.
- Pelan Kesinambungan bagi RSPL tidak disediakan.

2.3. Sebagai langkah bagi menambah baik dan memantapkan lagi pengurusan ternakan lembu di Australia, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak melalui PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak perlu menjalankan satu kajian impak mengenai tahap pencapaian objektif pelaburan Kerajaan Negeri Sarawak dalam ternakan lembu di Australia. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. hendaklah membuat perolehan lembu bagi negeri Sarawak dengan menetapkan spesifikasi dan jenis lembu yang berkualiti daripada RSPL.

2.3.2. Rosewood Station Pty. Ltd. perlu meningkatkan prestasi jualan syarikat melalui jualan domestik dan eksport. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. perlu mempertingkatkan pemantauan operasi dan pengurusan RSPL terutamanya dari segi tempahan dan penjualan lembu.

2.3.3. Pengurusan ladang perlu ditingkatkan bagi menjaga kepentingan PPES selaku pemilik RSPL dengan menempatkan pegawai PPES secara langsung dalam pengurusan syarikat RSPL di Australia. Pengurusan aset perlu ditambah baik manakala kontrak pekerjaan hendaklah disediakan dan ditandatangani.

2.3.4. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. perlu menyediakan pelan untuk kesinambungan RSPL dalam industri ternakan yang boleh berdaya saing dan menguntungkan.

3. JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

- Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal

3.1. Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) berserta logo halal merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, barang kegunaan orang Islam termasuk premis makanan dan rumah sembelih yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengurusan Sijil Halal adalah di bawah pengendalian JAKIM dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Halal kepada JAIN. Semenjak 2004 sehingga 2014, sebanyak 1,837 permohonan Sijil Halal telah diterima oleh Unit Pembangunan Halal JAIS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,369 atau 74.5% permohonan telah dilulus serta dikeluarkan Sijil Halal. Setakat Disember 2014 terdapat 413 pemegang Sijil Halal berstatus masih sah di negeri Sarawak.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati prestasi amnya pengurusan pengeluaran Sijil Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan memerlukan penambahbaikan dari aspek berikut:

- Proses permohonan Sijil Halal.
- Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan Sijil Halal.
- Kuasa penguatkuasaan oleh JAIS di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.
- Program promosi Sijil Halal.

3.3. Bagi memastikan Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal Malaysia di negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Jabatan Agama Islam Sarawak mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

3.3.1. Jabatan Agama Islam Sarawak hendaklah memasukkan tempoh memproses sijil halal ke dalam Manual Prosedur Kerja atau Piagam Pelanggan agar ianya dapat diperaktikkan dengan lebih berkesan. Tempoh pengeluaran Sijil Halal hendaklah dikeluarkan mengikut Piagam Pelanggan.

3.3.2. Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan Sijil Halal perlu dipertingkatkan terutama terhadap rumah sembelih dan memastikan pengusaha sentiasa mematuhi syarat pensijilan halal seperti ditetapkan.

3.3.3. Kad kuasa dari KPDNKK hendaklah diberikan kepada semua pegawai yang terlibat dengan tugas pemeriksaan dan pemantauan.

3.3.4. Program promosi yang berterusan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha berhubungan kepadaan dan keperluan Sijil Halal perlu lebih giat dijalankan.

4. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL SARAWAK

- Pengurusan Projek Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

4.1. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif membina kemudahan sukan baru serta menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan sedia ada yang terletak di seluruh negeri Sarawak. Ini adalah selaras dengan harapan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sukan dan meningkatkan mutu prasarana sukan di seluruh negeri agar setaraf dengan pembangunan bidang lain di negeri Sarawak. Di samping itu, pembinaan kemudahan sukan baru serta menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan sedia ada juga dilaksanakan sebagai persediaan Kerajaan Negeri yang akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Malaysia Ke-18 (SUKMA XVIII) pada tahun 2016. Kementerian Pembangunan Sosial (KPS) bertanggungjawab untuk menyedia serta menyenggara kemudahan sukan di seluruh negeri Sarawak dengan bantuan pelbagai agensi seperti Perbadanan Stadium Negeri Sarawak (PSNS), Dewan Suarah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehingga 2014, 95

kemudahan sukan diurus oleh KPS dan agensi lain yang dilantik. Perbadanan Stadium Negeri Sarawak bertanggungjawab ke atas 13 kemudahan sukan yang terdiri daripada stadium, dewan, gelanggang, gimnasium dan padang.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek menaik taraf kemudahan sukan di bawah peruntukan pembangunan adalah memuaskan dari segi prestasi fizikal dan pelaksanaan projek tetapi perancangan projek adalah kurang memuaskan. Pengurusan perolehan dan kerja bagi menaik taraf dan menyenggara di bawah peruntukan mengurus tidak memuaskan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Perancangan projek di bawah peruntukan pembangunan kurang memuaskan.
- Pengurusan perolehan bagi kerja penyenggaraan kecil di bawah peruntukan mengurus tidak memuaskan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan oleh Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan langkah berikut diambil :

4.3.1. Kementerian Pembangunan Sosial dan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak hendaklah membuat perancangan yang menyeluruh dengan mengambil kira keadaan sebenar kemudahan sukan yang perlu dibaiki. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah dipantau dengan teliti.

4.3.2. Perbadanan Stadium Negeri Sarawak hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai berkenaan yang telah melanggari peraturan kewangan dengan segera.

5. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- Amanah Saham Sarawak Berhad

5.1. Amanah Saham Sarawak Berhad (ASSB) telah diperbadankan pada 1 April 1993 dan merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. (PASB). Pemegang saham PASB terdiri daripada 4 agensi Kerajaan Negeri, iaitu Yayasan Sarawak (20.8%), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (16.7%), Pelita Holdings Sdn. Bhd. (10.4%), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (10.4%) dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (41.7%). Amanah Saham Sarawak Bhd. telah dilantik untuk mengurus satu-satunya dana unit amanah Negeri Sarawak berlandaskan Surat Ikatan bertarikh 20 Ogos 1993. Modal dibenar ASSB adalah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta.

5.2. Objektif utama penubuhan ASSB adalah bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Bumiputera di Sarawak untuk turut serta di dalam aliran utama ekonomi menerusi pelaburan secara kolektif di dalam pasaran modal dan pasaran wang Malaysia.

Aktiviti utama ASSB ialah perdagangan serta pengurusan unit dana ASSAR. Dana ASSAR telah dilancarkan pada 25 Ogos 1993. Saiz dana ASSAR yang dibenarkan adalah sebanyak 750 juta unit dan setakat akhir bulan Jun 2014 ASSB mengendalikan dana untuk 71,085 pelabur dengan nilai dana berjumlah RM550.61 juta. Pada akhir tahun 2013, ASSB mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM1.25 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM2.67 juta.

5.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2014 hingga Ogos 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan serta pencapaian dan pulangan pelabur adalah kurang memuaskan manakala pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. Antara kelemahan yang boleh ditambah baik adalah seperti berikut:

- Amanah Saham Sarawak Berhad mengalami kerugian terkumpul selepas cukai pada akhir tahun 2013 sejumlah RM2.67 juta.
- Dana Amanah Saham Sarawak (ASSAR) hanya mampu membayar dividen kepada pelabur antara 1.5% hingga 2.0% bagi tempoh Jun 2011 hingga Jun 2014.
- Pelaburan dalam ekuiti telah mengalami kerugian belum direalisasi (*Net Unrealised Loss*) bagi tempoh Jun 2011 hingga Jun 2014 berjumlah RM38.51 juta.
- Mekanisme jaminan harga minimum RM1.00 bagi menyokong Nilai Aset Bersih (NAB) ASSAR membebangkan kewangan syarikat dan syarikat induk PASB.

5.4. Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, pengurusan Syarikat Amanah Saham Sarawak Berhad adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut diambil:

5.4.1. Menyemak semula kaedah pelaksanaan mekanisme jaminan harga RM1.00 seunit bagi mengurangkan bebanan kewangan syarikat, Permodalan ASSAR Sendirian Berhad dan Kerajaan Negeri. Begitu juga wajar disemak semula asas yang digunakan bagi menetapkan Nilai Aset Bersih supaya jumlah dana unit dalam edaran boleh ditingkatkan untuk dilabur.

5.4.2. Penilaian bebas oleh pihak ketiga untuk mendapat maklum balas yang lebih objektif mengenai prestasi pengurusan serta pelaburan dana.



**AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

1. PENGURUSAN PROJEK BEKALAN AIR SAMALAJU

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Projek Bekalan Air Samalaju (BAS) adalah bertujuan untuk mengadakan satu rangkaian bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan industri di Taman Perindustrian Samalaju (TPS) dan kawasan persekitaran di Bahagian Bintulu. Taman Perindustrian Samalaju merupakan sebahagian daripada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy – SCORE*) yang tertumpu kepada industri berat serta berintensif tenaga dan terletak 60 kilometer dari Bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek BAS melalui 2 Fasa seperti di **Jadual 1.1** dan lokasi komponen BAS adalah seperti di **Peta 1.1**.


Jadual 1.1
Fasa Pelaksanaan Projek Bekalan Air Samalaju

Bil.	Bekalan Air Samalaju	
	Fasa 1	
1.	Peringkat 1	Paip Mengepam Utama, Sesalur Penghantaran Utama, LRA 5 MLD, 2.5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi, Muka Sauk Air Mentah Sika dan Kemudahan Berkaitan
	Peringkat 2	LRA 80 MLD, 5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi dan Kemudahan Berkaitan
	Peringkat 2A	Ubahsuai Paip Mengepam Air Mentah Utama kepada Paip Mengepam Air Terawat Utama
	-	Saluran Pengagihan Air Sementara Ke Kilang Polycrystalline Silicon Tokuyama
	Peringkat 3A	Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau dan Kemudahan Berkaitan
	Peringkat 3B	Takungan Air Sungai Similajau dan Kemudahan Berkaitan
Fase 2		
2.	Peringkat 1	LRA 80 MLD Tambahan
	Peringkat 2	Takungan Air Konkrit Tetulang Aras Tinggi

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota: LRA – Loji Rawatan Air, MLD – *Million Litres per Day*, ML – *Million Litres*,

Peta 1.1
Pelan Lokasi Komponen Bekalan Air Samalaju



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.1.2. Peruntukan yang diterima oleh JKR daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) untuk projek BAS dari tahun 2007 hingga 2014 adalah sejumlah RM494.84 juta dan perbelanjaan setakat bulan November 2014 adalah sejumlah RM411.08 juta iaitu 83.1%. Butiran mengenai peruntukan dan perbelanjaan setakat bulan November 2014 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Setakat Bulan November 2014

Bil.	Sumber	Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	
1.	Kerajaan Persekutuan	RMK9	100,000,000	99,571,468	
		2011	6,500,000	974,863	
		2012	51,500,000	42,266,283	
		2013	42,500,000	54,573,693	
		2014	43,500,000	30,813,136	
Jumlah Kecil			244,000,000	228,199,443	
2.	Kerajaan Negeri	2007	100,000	669	
		2008	244,000	5,034	
		2009	80,000,000	79,642,265	
		2010	89,000,000	88,936,627	
		2011	81,500,000	14,300,142	
Jumlah Kecil			250,844,000	182,884,737	
Jumlah Besar			494,844,000	411,084,180	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek BAS dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif membekal air yang mencukupi dan berkualiti bagi industri dan kawasan persekitaran di Bahagian Bintulu.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek pengurusan, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh JKR dan RECODA terhadap projek BAS meliputi tahun 2009 hingga 2014. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR, Pejabat JKR Wilayah Utara, Pejabat JKR Bahagian Bintulu dan Pejabat RECODA. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan projek. Pengauditan juga adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) dan LAKU Management Sendirian Berhad (LAKU). Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek di Bahagian Bintulu dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan. *Exit Conference* bersama Setiausaha Tetap Kementerian Kemudahan Awam Sarawak telah diadakan pada 7 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan LAKU Management Sendirian Berhad.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek BAS adalah memuaskan dari segi perolehan kerja kontrak. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek dan ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Loji Rawatan Air (LRA) berkapasiti 5 MLD yang siap dibina pada bulan Julai 2011 tidak beroperasi sepenuhnya selepas *Chamber Muka Sauk Air Mentah Sika* diubah suai.
- Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau bagi membekalkan air mentah kepada LRA 80 MLD masih dalam pembinaan dan telah lewat jadual 21% setakat bulan Disember 2014.

1.4.1. Prestasi Projek

- 1.4.1.1.** Status 6 komponen projek BAS yang dilaksanakan pada tahun 2009 hingga Disember 2014 dengan kos asal kontrak berjumlah RM340.96 juta mendapati 3 projek siap dilaksanakan mengikut jadual, satu siap dengan diberi 4 Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa berjumlah 257 hari setakat bulan Disember 2014. Manakala satu projek masih dalam pelaksanaan dan dijadualkan siap pada bulan Jun 2015 telah lewat jadual 21% setakat bulan Disember 2014 dan satu masih dalam peringkat reka bentuk awal. Perbelanjaan setakat bulan Disember 2014 adalah berjumlah RM297.85 juta. Butiran

mengenai pelaksanaan projek BAS setakat bulan Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Status Pelaksanaan Projek Bekalan Air Samalaju Setakat Bulan Disember 2014

Bil.	Komponen Bekalan Air Samalaju	Status	Kos Asal Kontrak (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
Fasa 1				
1.	Peringkat 1 Paip Mengepam Utama, Saluran Penyampaian Utama, LRA 5 MLD, 2.5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi, Muka Sauk Air Mentah Sika dan Kemudahan Berkaitan	Siap pada 01.07.2011	196.00	185.19
2.	Peringkat 2 LRA 80 MLD, 5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi dan Kemudahan Berkaitan	Siap pada 15.05.2014 (Diberi 4 Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa berjumlah 257 hari)	90.28	84.55
3.	Peringkat 2A Ubahsuai Paip Mengepam Air Mentah Utama kepada Paip Mengepam Air Terawat Utama	Siap pada 14.01.2013	1.60	1.74
4.	Saluran Pengagihan Air Sementara Ke Kilang Polycrystalline Silicon Tokuyama	Siap pada 08.01.2012	0.08	0.08
5.	Peringkat 3A Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau dan Kemudahan Berkaitan	Dalam Pelaksanaan Kemajuan Fizikal sebenar setakat 31.12.2014 adalah 61.2% berbanding yang dijadualkan iaitu 82.2% dan kelewatan ialah 21 %.	53.00	26.29
6.	Peringkat 3B Takungan Air Sungai Similajau dan Kemudahan Berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <i>Preliminary design stage. This original long term source development option is now not feasible in view of the presence of high voltage transmission lines, Petronas gas pipeline, proposed new access road to new Samalaju Township, oil palm estate and mill, etc. within the impounded area of the proposed Sg. Similajau Dam.</i> <i>The options review study for the Samalaju raw water source development is being carry out to determine the most appropriate long term raw water source development for Samalaju water supply.</i> 		
Jumlah			340.96	297.85

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.4.1.2. Pembinaan LRA 80 MLD terdiri daripada 4 modul 20 MLD loji rawatan dengan kos kontrak bernilai RM90.28 juta bermula pada bulan November 2011 dan dijadualkan siap pada bulan April 2013. Semakan Audit mendapati projek hanya disiapkan pada bulan Mei 2014 dengan diberi 4 Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa berjumlah 257 hari setakat bulan Disember 2014. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara sebab kelewatan dalam pelaksanaan LRA 80 MLD adalah cuaca buruk dan *slope protection works due to massive land movement* di tapak projek.

1.4.1.3. Oleh sebab LRA 80 MLD lewat disiapkan dan bagi memenuhi keperluan air pelabur di TPS, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Koordinasi Projek SCORE bilangan 4/2012 yang diadakan pada 5 Oktober 2012, memutuskan untuk mengepam 40 MLD air terawat dari LAKU, Bintulu ke TPS. Ini melibatkan kerja pemasangan saluran paip dari LRA LAKU, Bintulu ke Muka Sauk Air Mentah Sika seperti di **Gambar 1.1** dan paip *Bypass* supaya air terawat dapat disalurkan ke TPS tanpa melalui LRA 5 MLD seperti di **Gambar 1.2**. Projek ini siap pada bulan Januari 2013 dengan kos projek sejumlah RM1.74 juta.

Gambar 1.1
**Saluran Paip Dari LRA LAKU
Ke Muka Sauk Air Mentah Sika**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sika
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.2
Saluran Paip Bypass Di LRA 5 MLD



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan LRA 5 MLD Samalaju
Tarikh: 21 Oktober 2014

1.4.1.4. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2014 mendapati LRA 80 MLD ini masih belum beroperasi seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4** kerana Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau yang dibina untuk membekal air mentah ke LRA 80 MLD masih belum siap. Oleh yang demikian *Testing and Commisioning* bagi LRA 80 MLD yang akan tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan pada bulan Mei 2015 belum lagi dijalankan.

Gambar 1.3
LRA 80 MLD Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA 80 MLD Samalaju
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.4
LRA 80 MLD Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA 80 MLD Samalaju
Tarikh: 21 Oktober 2014

1.4.1.5. Maklum balas daripada JKR yang diterima melalui surat daripada KKA bertarikh 17 Disember 2014, menyatakan bahawa mengikut perancangan asal, bekalan air mentah sepatutnya disalurkan ke LRA 80 MLD di Samalaju melalui saluran paip utama sedia ada dari Takungan Sika, Bintulu ke Samalaju dan selainnya dari Sungai Similajau. Ekoran daripada kelewatan pembinaan loji tersebut, tindakan segera telah diambil untuk memastikan bekalan air yang berterusan dan tidak terjejas serta memenuhi permintaan air bagi kilang Tokuyama Corporation Japan dan lain-lain di TPS. Maka, Projek Fasa 1 Peringkat 2A (*contingency plan B*) telah dilaksanakan dengan mengepam air terawat dari LRA LAKU melalui sistem saluran paip utama yang sedia ada ke TPS. Oleh itu, LRA 80 MLD akan beroperasi sepenuhnya setelah mendapat sumber bekalan air mentah dari Sungai Similajau nanti. Projek *contingency plan B* mampu menyalurkan 40 MLD air terawat dan dijangka dapat menampung keperluan air di TPS sehingga tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pihak JKR hendaklah memastikan agar pembinaan Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau tidak melewati tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan LRA 80 MLD memandangkan LRA 80 MLD yang telah siap pada bulan Mei 2014 belum lagi diuji dan dikomisen.

1.4.2. LRA 5 MLD Tidak Beroperasi Sepenuhnya Selepas Chamber Air Mentah Muka Sauk Sika Diubah Suai

1.4.2.1. LRA 5 MLD dibina bersekali dengan Muka Sauk Air Mentah Sika, pemasangan paip sepanjang 65 km dan 2.5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi bertujuan untuk membekal 40 MLD air yang terdiri daripada 5 MLD air terawat dan 35 MLD air mentah ke TPS. Loji Rawatan Air ini telah siap dibina pada bulan Julai 2011 dengan kos sejumlah RM28.92 juta tidak termasuk kos mekanikal dan elektrikal.

1.4.2.2. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2014 mendapati loji ini tidak beroperasi sepenuhnya seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6**. Chamber Air Mentah di Muka Sauk Sika telah diubah suai bagi membolehkan air terawat disalurkan ke TPS seperti di **Gambar 1.7**.

Gambar 1.5
LRA 5 MLD Yang Tidak Beroperasi Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA 5 MLD Samalaju
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.6
Tangki Di LRA 5 MLD Yang Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA 5 MLD Samalaju
Tarikh: 21 Oktober 2014



Gambar 1.7
Chamber Air Mentah Diubah Suai Untuk Air Terawat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sika
Tarikh: 21 Oktober 2014

1.4.2.3. Maklum balas daripada JKR yang diterima melalui surat daripada KKA bertarikh 17 Disember 2014, menyatakan bahawa komponen seperti tangki *Clarifier* dan *Filter* telah berhenti beroperasi buat sementara setelah projek *contingency plan B* dilaksanakan dengan mengepam air terawat dari LRA LAKU melalui sistem saluran paip yang sedia ada untuk memenuhi permintaan air bagi kilang Tokuyama Corporation Japan dan lain-lain di TPS. Komponen yang lain seperti 2.5 ML Tangki Takungan Air Aras Tinggi masih beroperasi untuk memenuhi permintaan air di TPS. LRA 5 MLD mula beroperasi pada bulan Ogos 2011 dan berhenti beroperasi buat sementara pada bulan April 2013. Loji ini dicadangkan sebagai *backup* untuk sistem Bekalan Air Samalaju atau dipindah untuk digunakan di LRA lain yang memerlukan kapasiti tambahan. Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 Januari 2015, menyatakan bahawa bagi memastikan bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan industri di TPS dan kawasan persekitarannya, maka saluran paip air 800

mm dari Bintulu ke TPS akan berfungsi sebagai *backup* untuk sistem BAS. Saluran paip tersebut juga dapat membekalkan bekalan air terawat ke kawasan yang terletak di sepanjang paip sekiranya perlu.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri Sarawak perlu mengoptimumkan penggunaan LRA 5 MLD.

1.4.3. Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau Masih Dalam Pembinaan

1.4.3.1. Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau adalah untuk membekalkan air mentah ke LRA 80 MLD. Tender pertama untuk projek ini ditutup pada 22 Mei 2013. Mengikut ringkasan penilaian bagi keputusan Mesyuarat Lembaga Perolehan RECODA bertarikh 25 Julai 2013, kesemua 6 penender ditolak dalam penilaian tender. Tender semula bagi projek ini ditutup pada 11 September 2013 dan ditawarkan kepada kontraktor pada 13 Mac 2014 dengan kos kontrak bernilai RM53 juta. Tempoh kontrak adalah 14 bulan mulai bulan April 2014 dan dijadualkan siap pada bulan Jun 2015. Mengikut dokumen kontrak, projek ini dibahagikan kepada 2 peringkat. Peringkat 1 adalah untuk menyiapkan kapasiti 40 MLD dalam tempoh 7 bulan termasuk *Testing and Commissioning* selepas mengambil alih tapak projek. Peringkat 2 iaitu baki 40 MLD perlu disiapkan dalam tempoh 14 bulan iaitu pada bulan Jun 2015.

1.4.3.2. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2014 mendapati muka sauk tersebut masih dalam proses pembinaan seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.9**. Kemajuan fizikal setakat 31 Disember 2014 adalah 61.2% berbanding 82.2% seperti yang dijadualkan iaitu kelewatan 21% atau 109 hari. Antara sebab kelewatan adalah kerana masalah *re-align pipeline*, kekurangan peralatan dan tenaga kerja, kelewatan penyerahan lukisan dan pengorekan batu keras di jajaran paip seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**. Kelewatan menyiapkan pembinaan muka sauk ini mengakibatkan LRA 80 MLD belum dapat beroperasi.

Gambar 1.8
Jeti Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.9
Tangki Pre-sedimentation Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.10
Batu Keras Di Jajaran Paip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau
Tarikh: 21 Oktober 2014

Gambar 1.11
Pengorekan Batu Keras Di Jajaran Paip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau
Tarikh: 21 Oktober 2014

1.4.3.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 13 Januari 2015, menyatakan bahawa Kemajuan fizikal setakat bulan Disember 2014 adalah 61.2% berbanding 82.2% yang dijadual iaitu kelewatan 21%. Sejumlah RM26.29 juta telah dibayar kepada kontraktor. Dua Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa iaitu untuk *re-alignment of pipeline* dan *pipe trenches excavation over rock* telah dicadangkan oleh perunding serta masih dalam penilaian JKR. Maklum balas daripada JKR bertarikh 02 Februari 2015, menyatakan bahawa tiada kajian tanah dijalankan untuk kerja saluran paip air. Mengikut skop kontrak asal, saluran air paip hendaklah dipasang dan ditanam dari Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau dan juga di sepanjang jalan masuk sehingga di sepanjang tepi jalan *coastal Miri/Bintulu*. Disebabkan perancangan telah dibuat untuk menaik taraf *Miri/Bintulu Coastal Road from single lane dual carriageway to two (2) lane dual carriageway*, maka jajaran saluran paip air perlu dipinda semula. Pada masa inilah masalah batu keras timbul dalam kerja saluran paip air bagi projek ini.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah menyelia dengan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek bagi memastikan segala masalah berkaitan pelaksanaan boleh diselesaikan segera. Pihak Audit juga berpendapat bahawa kerja-kerja dan laporan perunding perlu diteliti untuk memastikan *Terms of Reference* dan skop perunding dilakukan sepenuhnya supaya mengelakkan kos dan masa tambahan bagi menyiapkan projek.

1.4.4. Pembangunan Takungan Air Similajau

1.4.4.1. Mengikut pelan asal Kerajaan Negeri, Takungan Air Similajau merupakan sumber air mentah jangka panjang untuk bekalan air di TPS. Projek Takungan Air Similajau sukar dilaksanakan sebab terdapatnya talian penghantaran voltan yang tinggi, saluran paip gas, jalan masuk ke Bandar Baru Samalaju, ladang kelapa sawit serta kemudahan berkaitan dan kos pampasan dianggarkan sejumlah RM1.14 bilion. Semakan Audit mendapati perkara ini telah dibincangkan bersama pihak terlibat iaitu Sime Darby Plantation, Petronas Gas Berhad, Sarawak Energy Berhad dan Lembaga Kemajuan

Bintulu pada mesyuarat *Project Coordination Meeting On The Proposed Similajau Reservoir And Associated Facilities* yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kemudahan Awam, Sarawak pada bulan Februari 2014. Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula pembangunan sumber air mentah jangka panjang yang paling sesuai bagi BAS. Semakan Audit mendapati *Subsurface Investigation Works* bagi projek Takungan Air Similajau telah siap pada bulan April 2014 dengan kos sejumlah RM0.56 juta.

1.4.4.2. Maklum balas daripada JKR yang diterima melalui surat daripada KKA bertarikh 17 Disember 2014, menyatakan bahawa perunding telah dilantik untuk menjalankan kajian semakan opsyen bagi pembangunan sumber air mentah Samalaju dan dijangka siap pada bulan Januari 2015. Dua opsyen telah dicadangkan iaitu Opsyen A untuk pindahan air mentah dari Batang Kemena berdekatan Labang dan Opsyen B untuk pindahan air mentah dari Batang Kemena berdekatan Pandan.

Pada pendapat Audit, kajian menyeluruh terhadap kawasan tadahan yang telah dan belum diwartakan di kawasan tersebut hendaklah dijalankan agar penyelesaian jangka panjang sumber air mentah dikenal pasti.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek bekalan air adalah disyorkan:

1.5.1. Jabatan Kerja Raya Sarawak perlu memastikan agar pembinaan Peringkat 1 Muka Sauk Air Mentah Sungai Similajau disiapkan tidak melewati tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan Loji Rawatan Air 80 MLD yang telah siap pada bulan Mei 2014 yang mana belum lagi diuji dan dikomisen.

1.5.2. Kerajaan Negeri Sarawak perlu mengoptimumkan penggunaan Loji Rawatan Air 5 MLD.

1.5.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah menyelia dengan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek bagi memastikan segala masalah berkaitan pelaksanaan boleh diselesaikan segera. Jabatan Kerja Raya Sarawak juga hendaklah memastikan kerja-kerja dan laporan perunding adalah teliti bagi memastikan Terma Rujukan dan skop perunding dilakukan sepenuhnya.

1.5.4. Kementerian Kemudahan Awam Sarawak seharusnya menjalankan kajian menyeluruh terhadap kawasan tadahan yang telah dan belum diwartakan agar penyelesaian jangka panjang sumber air mentah dikenal pasti.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

2. PENGURUSAN TERNAKAN LEMBU PPES TERNAK HOLDINGS SDN. BHD. DI AUSTRALIA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Rosewood Station Pty. Ltd. (RSPL) merupakan anak syarikat PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. (THSB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Rosewood Station Pty. Ltd. diperbadan dan didaftarkan di Australia pada 30 Mac 1981 dengan modal berbayar sejumlah AUD1 juta. Visi RSPL adalah untuk menjadi pengeluar dan pembekal lembu yang digemari di Australia dengan misi untuk mengembangkan perniagaan secara mampan yang dapat memberi pulangan kepada pemegang saham dan juga sumbangan kepada masyarakat serta memberi kesan positif terhadap alam sekitar. Aktiviti utama RSPL adalah mengusaha ladang ternakan lembu dengan aktiviti sampingannya adalah penanaman gandum, sorghum dan barli. Lembu yang diternak oleh RSPL adalah dari baka kacukan Brahman Crossed iaitu kacukan Brahman dengan Charolais dan baka Angus. Kualiti lembu yang diternak adalah yang terbaik dan ia dibuktikan dengan pencapaian yang cemerlang ladang Rosewood di dalam pertandingan 'Kununurra Cattle Show' yang mana Rosewood telah menjadi johan keseluruhan pada tahun 2007, 2008 dan 2012 sekaligus membolehkan lembu dari ladang Rosewood dijual dengan harga premium.

2.1.2. Objektif utama PPES memperoleh RSPL adalah untuk membekal baka dan menambah bekalan lembu daging ke negeri Sarawak. Rosewood Station Pty. Ltd. dibeli oleh PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. pada tahun 1982 dengan harga AUD2.58 juta dan mempunyai sebuah ladang ternakan lembu iaitu Rosewood Cattle Station (Rosewood) yang terletak di Kununurra, Northern Territory, Australia. Ladang Rosewood ini berkeluasan 296,169 hektar dan berupaya menampung sebanyak 30,000 ekor lembu pada suatu masa.

2.1.3. Pada tahun 2007 RSPL telah membeli sebuah lagi ladang iaitu Strathmere-Beardie Aggregation (Strathmere) yang terletak di St George, Queensland, Australia dengan harga sejumlah AUD10.5 juta. Ladang Strathmere mempunyai kawasan seluas 14,711 hektar dan dijadikan stesen penggemukan lembu yang mana berupaya menampung sebanyak 5,000 ekor lembu pada sesuatu masa. Selain berfungsi sebagai stesen penggemukan lembu, ladang Strathmere juga mengusahakan tanaman gandum, sorghum dan barli untuk dijadikan makanan lembu serta dijual di pasaran tempatan. Antara faktor utama RSPL membeli ladang Strathmere adalah bagi mengurangkan kebergantungan RSPL terhadap pasaran eksport yang mana ternakan lembu dari Rosewood dapat dihantar ke Strathmere untuk digemukkan dan dijual di pasaran tempatan. Selain itu, ianya juga dijadikan sebagai tempat pemindahan bagi mengurangkan kadar kematian ternakan lembu sekiranya berlaku masalah kemarau

yang berpanjangan di Rosewood. Jarak antara ladang Rosewood dengan ladang Strathmere adalah lebih kurang 3,200 kilometer.

2.1.4. Lembaga Pengarah RSPL dipengerusikan oleh Pengerusi PPES dan dianggotai oleh 4 ahli yang mana 2 ahli adalah pegawai PPES dan 2 ahli lain adalah warga Australia. Seorang ahli Lembaga Pengarah warga Australia dipertanggungjawabkan untuk menyelia operasi dan pengurusan RSPL manakala urusan harian syarikat pula dikendalikan oleh Pengurus Besar Syarikat. Aktiviti penternakan lembu di ladang Rosewood diurus oleh seorang pengurus ladang dengan dibantu seramai 3 pekerja tetap manakala ladang Strathmere pula diurus oleh seorang penyelia dan dibantu oleh seorang pekerja tetap. Lokasi bagi ladang Rosewood dan ladang Strathmere di Australia adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Lokasi Ladang Rosewood Dan Ladang Strathmere



Sumber: Rosewood Station Pty. Ltd.

2.2. OBJEKTIF PENG AUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan ternakan lembu oleh PPES di Australia telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENG AUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan tahun 2009 hingga 2013. Bagaimanapun, aktiviti pengurusan ternakan lembu bagi tahun sebelumnya juga diaudit untuk menyokong penemuan Audit. Kajian ini dijalankan di Bahagian Agro-Makanan PPES di Kuching, pejabat berdaftar RSPL di Sydney, New South Wales, ladang Rosewood di Northern Territory dan ladang Strathmere di St. George, Queensland, Australia serta Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Pertanian Sarawak. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berhubung dengan pembelian dan aktiviti ladang serta mengkaji dan menganalisis data. Selain itu lawatan fizikal ke ladang Rosewood

dan ladang Strathmere serta pejabat perakaunan RSPL di Sydney, Australia turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar dan pegawai daripada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak telah diadakan pada 27 November 2014.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2014 mendapati pengurusan ternakan lembu di Australia pada amnya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun objektif utama RSPL untuk membekal baka dan menambah bekalan lembu daging ke negeri Sarawak tidak dapat ditentukan kerana tiada kajian impak setakat ini dan data untuk menentukan pencapaian objektif ini. Secara ringkasnya penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Objektif utama RSPL untuk membekal lembu baka dan lembu pedaging berkualiti ke negeri Sarawak tidak lagi menjadi keutamaan kerana pertimbangan komersil serta prosedur pengeksportan lembu negara Australia melalui agen dan bukannya terus kepada RSPL.
- Rosewood Station Pty. Ltd. mengalami kerugian 4 tahun berturut-turut kecuali pada tahun 2012, trend prestasi jualan lembu dalam tempoh tersebut menurun dan kos kewangan bagi membiayai ladang Strathmere yang tinggi.
- Pengurusan ladang kurang memuaskan di mana rekod aset, rekod penggunaan dan stok minyak serta stok *opportunistic crops* tidak diselenggarakan.
- Pemantauan oleh PPES di peringkat pengurusan syarikat perlu dimantapkan.
- Pelan Kesinambungan bagi RSPL tidak disediakan.

2.4.1. Pembekalan Lembu Baka Dan Lembu Pedaging Berkualiti Ke Negeri Sarawak

Objektif utama perolehan RSPL adalah untuk membekalkan baka lembu dan lembu pedaging yang berkualiti ke negeri Sarawak. Pencapaian objektif seharusnya boleh ditentu ukur dan pengimportan lembu dari Australia oleh PPES melalui THSB seharusnya selari dengan objektif perolehan RSPL. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

2.4.1.1. Tiada Kajian Impak Semasa Perolehan RSPL Di Australia

Setakat tarikh pengauditan ini dijalankan, PPES belum mengemukakan kertas kerja bagi perolehan RSPL kepada pihak Audit untuk menilai pencapaian sebenar RSPL berbanding sasaran yang ditetapkan semasa justifikasi perolehan RSPL dilakukan. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan kertas kerja bagi pembelian RSPL pada tahun 1982 tidak dapat dikesan oleh PPES.**

2.4.1.2. Pengimportan Lembu Daripada Rosewood Cattle Station Australia

- a. Semakan Audit terhadap senarai pengimport lembu dari Australia yang diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Pertanian Sarawak (Veterinar) mendapati THSB ada mengimport lembu dari Australia pada setiap tahun namun tidak dapat dipastikan sama ada lembu yang diimport adalah dari ladang kepunyaan RSPL kerana Veterinar hanya merekodkan nama syarikat ejen yang membawa masuk lembu ke Sarawak. Berdasarkan laporan Unit Audit Dalam SEDC tahun 2012, kali terakhir lembu dari ladang RSPL diimport ke Sarawak oleh THSB adalah pada bulan Ogos 2005. Butiran senarai pengimport lembu dari Australia dan pembekalnya berdasarkan maklumat daripada Veterinar adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1.
Senarai Pengimport Lembu Hidup Dari Australia Bagi Tahun 2008 Hingga 2014

Bil.	Agenzi/Syarikat Pengimport	Bilangan Lembu Diimport	Jenis Lembu	Tarikh Sampai Ke Sarawak	Pengeksport
1.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1,590	Brahman Cross	08.05.2008	AAA Livestock Services Pty. Ltd, Brisbane, Australia
2.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1,918	Brahman Cross	14.09.2009	Australian Rural Exports Pty. Ltd, Brisbane, Australia
3.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1,615	Brahman Cross	04.10.2010	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
4.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1,197	Brahman Cross	04.11.2011	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
5.	Huzaifah Farm	1,265	Brahman Cross	06.06.2012	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
6.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1,548	Brahman Cross	24.07.2012	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
7.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	700	Brahman Cross	15.08.2013	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
8.	Lian Hong Farm	100	Brahman Cross	15.08.2013	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia
9.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	468	Brahman Cross	14.07.2014	S. E. Asian Livestock Services Pty. Ltd. Northern Territory, Australia

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Pertanian Sarawak

- b. Lawatan Audit ke Pelabuhan Bintulu pada 31 Ogos 2014 bagi menyaksikan ketibaan 532 ekor lembu yang diimport oleh THSB dan 60 ekor lembu oleh sebuah syarikat pengimport lain mendapati hanya 51 ekor daripada 128 sampel yang dipilih adalah lembu milik RSPL berdasarkan cap hak milik JK dan selebihnya adalah dari ladang lain. Semakan Audit seterusnya mendapati tempahan dilakukan melalui emel kepada seorang ahli lembaga RSPL di Australia yang kemudian akan mencari agen yang memberikan sebut harga yang terbaik namun lembu yang ditempah oleh THSB tidak

mensyaratkan secara khusus tempahan lembu adalah dari RSPL dan juga spesifikasi lembu mengikut jenis. Semua lembu yang diimport oleh THSB dihantar ke ladang PPES di Karabungan untuk kuarantin selama 2 minggu dan mengikut amalan biasa tempoh pegangan adalah sebulan dari tarikh lembu diterima. Keadaan lembu semasa proses pindah turun di Pelabuhan Bintulu adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pelabuhan Bintulu
Tarikh: 31 Ogos 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pelabuhan Bintulu
Tarikh: 31 Ogos 2014

- c. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa pihak RSPL tidak mempunyai masalah untuk membekalkan lembu kepada THSB sekira pesanan dibuat. Namun demikian keputusan untuk mendapatkan bekalan lembu adalah berdasarkan kepada keputusan komersil. Ini adalah kerana harga lembu adalah berbeza mengikut jenis, umur, berat badan, kuantiti dan musim. Untuk lembu baka, terutamanya di bawah Skim Pawah, PPES Ternak selama ini mendapat bekalan dari RSPL.**

Pada pendapat Audit PPES perlu menjalankan satu kajian impak pelaburan Kerajaan Negeri Sarawak dalam ternakan lembu di Australia dari segi pencapaian objektif dan pulangan pelaburan tersebut kepada PPES. Pihak Audit juga berpendapat THSB perlu memastikan perolehan lembu yang berkualiti iaitu dari RSPL serta menetapkan spesifikasi lembu mengikut jenis dieksport ke negeri Sarawak.

2.4.2. Prestasi Kewangan Rosewood Station Pty. Ltd. Kurang Memuaskan

- 2.4.2.1.** Rosewood Station Pty. Ltd. telah merekodkan kerugian selepas cukai sejumlah AUD0.52 juta pada tahun 2009, AUD1.08 juta pada tahun 2010, AUD0.04 juta pada tahun 2011 dan AUD1.16 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2012, syarikat mendapat keuntungan selepas cukai sejumlah AUD1.13 juta tetapi keuntungan ini adalah merupakan hasil penjualan lesen air kepada Kerajaan Australia yang bernilai AUD1.12 juta. Pada akhir tahun 2013, RSPL mencatat keuntungan terkumpul sejumlah AUD8.73

juta. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan terkumpul RSPL bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Terkumpul RSPL Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (AUD)	2010 (AUD)	2011 (AUD)	2012 (AUD)	2013 (AUD)
Pendapatan	4,930,775	4,163,217	5,281,536	6,022,962	4,733,049
Pendapatan Lain	-	-	-	1,118,612	-
Pendapatan Kasar	4,930,775	4,163,217	5,281,536	7,141,574	4,733,049
Pembelian	531,913	300,522	42,800	128,000	95,000
Perbelanjaan Lain	2,780,781	2,749,919	2,849,192	2,850,450	3,892,624
Susutnilai & Pelunasan	266,432	257,335	250,099	267,140	286,193
Perbelanjaan Kakitangan	803,075	750,524	674,940	669,872	779,625
Perbelanjaan Pengangkutan	346,530	614,257	555,965	846,033	804,429
Untung/Rugi Bersih	202,044	-509,340	908,540	2,380,079	-1,124,822
Kos Kewangan	944,862	1,042,576	958,318	739,486	516,403
Untung/Rugi Sebelum Cukai	-742,818	-1,551,916	-49,778	1,640,593	-1,641,225
Cukai	226,731	469,293	12,994	514,660	487,010
Untung/Rugi Selepas Cukai	-516,087	-1,082,623	-36,784	1,125,933	-1,154,215
Keuntungan Terkumpul	9,881,879	8,799,256	8,762,472	9,888,405	8,734,190

Sumber: Rosewood Station Pty. Ltd.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati setakat akhir tahun 2014 PPES telah melabur sejumlah AUD13.08 juta bagi pembelian ladang Rosewood dan Strathmere. Menurut rekod PPES, dividen berjumlah AUD2.95 juta telah diterima dalam tempoh 2004 hingga 2007 dan tidak ada pembayaran dividen diterima oleh PPES selepas tahun 2007.

2.4.2.3. Semakan Audit seterusnya terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah RSPL bertarikh 9 Januari 2014 mendapati Ahli Lembaga sedia maklum bahawa RSPL mencatatkan keuntungan tahunan yang stabil sebelum pembelian ladang Strathmere. Berdasarkan analisis Audit, penyumbang utama kepada kerugian bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah berpunca dari faktor berikut:

a. Kos Kewangan Yang Tinggi

Dana bagi pembelian ladang Strathmere adalah melalui sumber pinjaman bank pada tahun 2007 yang mana secara puratanya bayaran balik ansuran pinjaman adalah sejumlah AUD840,000 setahun sehingga bulan Julai 2022.

b. Prestasi Jualan Ternakan Di Bawah Sasaran

Prestasi jualan ternakan berbanding sasaran bagi tahun 2011 hingga tahun 2013 adalah di antara 17.7% hingga 33.7% di bawah sasaran tahunan. Butiran prestasi jualan ternakan berbanding sasaran tersebut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3.
Prestasi Jualan Ternakan Berbanding Sasaran Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun					
	2011		2012		2013	
	Sasaran (AUD)	Sebenar (AUD)	Sasaran (AUD)	Sebenar (AUD)	Sasaran (AUD)	Sebenar (AUD)
Jualan Ternakan	5,943,660	4,856,202	6,625,140	5,453,261	6,347,710	4,208,840
Peratusan Di Bawah Sasaran	18.3%		17.7%		33.7%	

Sumber: Rosewood Station Pty. Ltd.

- c. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014**, menyatakan bahawa RSPL mengalami kerugian semenjak tahun 2008 adalah disebabkan oleh kos faedah pinjaman dan susut nilai ke atas kos pembangunan ladang. Mengikut *valuation* pada tahun 2012, Rosewood Station bernilai AUD15.86 juta dan Strathmere bernilai AUD11.8 juta jika dibandingkan dengan harga belian iaitu AUD2.58 juta dan AUD10.5 juta masing-masing. Penurunan jualan ternakan pada tahun 2011, 2012 dan 2013 telah menjelaskan pasaran eksport lembu dengan “Ripple Effect” dalam jangka masa yang agak lama disebabkan perkara seperti berikut:
- Kerajaan Australia telah menghalang pengeksportan lembu hidup ke luar negara pada tahun 2011.
 - Kerajaan Indonesia telah menghalang pembelian lembu dari Australia yang beratnya melebihi 350 kilogram pada tahun 2012.
 - Kerajaan Australia menghalang pengeksportan lembu 350 kilogram ke atas untuk 10 hingga 12 minggu pada tahun 2012.
 - Kejadian kemarau berlaku di negeri Queensland dan Northern Territory.


Pada pendapat Audit, Lembaga RSPL perlu memantau pencapaian sasaran penjualan lembu di pasaran tempatan dan juga eksport serta mengatur strategi pemasaran mengikut keadaan di Australia.

2.4.3. Pengurusan Ladang


Rosewood Station Pty. Ltd. mempunyai 2 buah ladang lembu. Rosewood Cattle Station yang terletak di Kununurra, Northern Territory, Australia berkeluasan 296,169 hektar dan berupaya menampung sebanyak 30,000 ekor lembu pada suatu masa untuk pasaran eksport dan Strathmere-Beardie Aggregation yang terletak di St George, Queensland, Australia mempunyai kawasan seluas 14,711 hektar dan dijadikan stesen penggemukan lembu yang mana berupaya menampung sebanyak 5,000 ekor lembu pada sesuatu masa. Selain berfungsi sebagai stesen penggemukan lembu, ladang Strathmere juga mengusahakan tanaman gandum, sorghum dan barli untuk dijadikan makanan lembu serta dijual di pasaran tempatan.

2.4.3.1. Proses *Mustering*

- a. Proses *mustering* merupakan proses mengumpul, mengira, mengkasi, mengasing dan pengecap hakmilik. Di Rosewood, proses *musting* dilakukan sebanyak dua kali setahun iaitu kali pertama dari bulan Mei hingga Jun dan kali kedua dari bulan Ogos hingga September manakala di Strathmere pula proses *musting* ini dijalankan sepanjang tahun apabila terdapat keperluan untuk memilih ternakan untuk dijual. Analisis Audit terhadap kos perbelanjaan bagi proses *musting* berbanding prestasi jualan RSPL mendapati ia meningkat dari tahun ke tahun iaitu daripada sejumlah AUD323,865 pada tahun 2011 kepada AUD453,907 iaitu peningkatan sebanyak 40% pada tahun 2012 dan seterusnya kos *musting* ini meningkat lagi sebanyak 18.9% kepada AUD539,964 pada tahun 2013. Gambaran mengenai proses *musting* adalah seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.7**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014



Gambar 2.7
Peralatan Bagi Mengecap Lembu Hakmilik RSPL

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014

- b. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa peningkatan kos ke atas aktiviti *mustering* adalah disebabkan oleh perkara berikut:**
- Kesukaran untuk mendapatkan khidmat pekerja secara individu di daerah terpencil.**
 - Pelantikan kontraktor berpengalaman untuk menjalankan *mustering* utama.**
 - Kenaikan kos gaji dan minyak untuk tujuan mustering.**

2.4.3.2. Penanaman Tanaman Oportunistik Di Strathmere-Beardie Aggregation Station

- a. Seluas 3,030 hektar daripada 14,711 hektar kawasan di Strathmere telah dibangunkan bagi tujuan penanaman tanaman oportunistik sebagai sumber makanan ternakan dan dibiarkan tumbuh sehingga menghasilkan bijirin untuk dijual sekiranya harga pasaran berpatutan. Proses penanaman tanaman oportunistik yang dijalankan secara ladang kontrak adalah seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**.

Gambar 2.8
Proses Menanam Biji Benih Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Strathmere-Beardie Aggregation Station
Tarikh: 20 Jun 2014

Gambar 2.9
Tanaman Barli Di Ladang Strathmere



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Strathmere-Beardie Aggregation Station
Tarikh: 20 Jun 2014

- b. Semakan Audit mendapati kos penanaman dan hasil jualan tanaman adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4.

Kos Penanaman Dan Hasil Jualan Tanaman Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	2011 (AUD)	2012 (AUD)	2013 (AUD)
Kos Penanaman	692,968	599,597	748,370
Hasil Jualan	237,014	385,892	352,606

Sumber: Rosewood Station Pty. Ltd.

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada rekod bagi jumlah tuaian tanaman, keluasan kawasan ditanam pada setiap musim, jumlah yang disimpan sebagai stok benih dan keluasan kawasan digunakan sebagai padang ragut ternakan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah RSPL bertarikh 9 Julai 2013 juga mendapati perkara ini ada dibangkitkan di dalam mesyuarat tersebut. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 19 November 2014, menyatakan bahawa pemerhatian Audit diambil maklum dan pihak pengurusan akan mengambil tindakan ke atas perkara ini.**

2.4.3.3. Jualan Secara Over The Hook

- a. Jualan secara *Over The Hook* merupakan jualan yang mana ternakan dihantar atau dijual terus ke rumah sembelihan dan pindah milik lembu berlaku di pusat penimbang di rumah sembelihan berkenaan. Semakan Audit terhadap sampel *Account Sale Statement* bagi jualan ternakan secara *Over Hook Sale* bagi ladang Strathmere mendapati kos makanan ternakan lembu yang dicaj ke akaun RSPL bagi ternakan lembu yang dihantar bagi jualan secara *Hook Sale* adalah dalam lingkungan 36% hingga 55% daripada nilai jualan dan ini memberi impak yang besar ke atas pendapatan RSPL. Butiran mengenai caj makanan ternakan lembu bagi jualan secara *Over The Hook* adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5

Caj Makanan Ternakan Bagi Jualan Over The Hook Berbanding Nilai Jualan

Bil.	Account Sale Statement No.	Amaun Jualan Kasar (AUD)	Caj Makanan Ternakan (AUD)	Peratus Caj Makanan Atas Jualan (%)	Lain-lain Caj (AUD)	Peratus Lain-lain Caj Atas Jualan (%)	Amaun Jualan Muktamad (AUD)	Bil. Lembu	Purata Harga Bersih Jualan/Ekor (AUD)
1.	GDL2031	410,785	188,078	45.8	26,050	6.3	196,658	503	391
2.	GDL2051	53,335	29,453	55.2	3,751	7.0	20,131	87	231
3.	GDL2125	214,226	78,079	36.4	5,005	2.3	131,142	154	852
4.	GDL2227	332,614	128,522	38.6	9,555	2.9	194,536	294	662
5.	GDL2288	237,314	111,356	46.9	13,798	5.8	112,161	260	431
6.	GDL2314	140,480	63,518	45.2	7,954	5.7	69,008	152	454

Sumber: Rosewood Station Pty. Ltd.

- b. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa terdapat grid harga yang dikira berdasarkan berat bersih dan kualiti dan grid harga ini ditentukan sebelum lembu-lembu dihantar. Lembu-lembu ini dihantar ke fidlot untuk tujuan pemberian makanan khas selama 100 hari bagi tujuan mempercepatkan kenaikan berat badan lembu-lembu itu. Pihak RSPL akan membuat anggaran yang baik tentang berapa banyak lembu-lembu tersebut akan makan dan kos pemberian makanan per kilogram.**

2.4.3.4. Pengurusan Aset Di Ladang

- a. Kawalan pengurusan aset merupakan antara elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi bagi menentukan perolehan aset direkodkan, disimpan dan dikawal dengan baik dan memudahkan pengesanan aset dilakukan. Selain itu, ia juga dapat membantu organisasi mengelak daripada kehilangan aset dan pembaziran. Semakan Audit mendapati tiada prosedur bagi pengurusan aset dinyatakan di dalam Manual Prosedur Operasi RSPL. Semakan Audit seterusnya ke atas rekod aset yang disimpan semasa lawatan ke ladang Rosewood dan Strathmere mendapati sebanyak 42 aset sahaja yang direkodkan secara ringkas di kedua-dua ladang berkenaan namun pemeriksaan fizikal tidak dapat dilakukan semasa lawatan kerana senarai aset tidak lengkap dan pihak Audit tidak dapat menentukan kesahihan aset kerana tiada maklumat seperti gambar, nombor pendaftaran kenderaan atau nombor rujukan aset disediakan.
- b. Semakan Audit terhadap rekod aset RSPL setakat bulan Disember 2013 berdasarkan *Taxation Depreciation Schedule* di pejabat perakaunan di Sydney juga mendapati RSPL sebenarnya memiliki sebanyak 834 aset bernilai AUD7.31 juta yang mana 748 aset bernilai AUD6.18 juta berada di ladang Rosewood dan 86 aset bernilai AUD1.13 juta ditempatkan di ladang Strathmere. Antara aset yang ditemui di Rosewood dan Strathmere adalah seperti di **Gambar 2.10 hingga Gambar 2.12**.
Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa PPES bersetuju dengan pemerhatian audit mengenai tiada prosedur pengurusan aset di dalam manual prosedur operasi RSPL. Pihak kami akan mengambil tindakan penambahbaikan manual prosedur operasi RSPL. Pihak RSPL sedang dalam proses membuat penyelarasan rekod aset mudah alih di antara rekod pejabat kewangan dan rekod di ladang.

Gambar 2.10
Pam Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014

Gambar 2.11
Kenderaan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rosewood Cattle Station
Tarikh: 17 Jun 2014



Gambar 2.12
Bangsar Dan Kenderaan Ladang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Strathmere-Beardie Aggregation Station
Tarikh: 19 Jun 2014

2.4.3.5. Rekod Penyenggaraan Dan Rekod Penggunaan Minyak Bagi Kenderaan Ladang

Rekod penyenggaraan kenderaan/jentera adalah penting bagi membantu sesebuah organisasi menentukan sama ada kenderaan/jentera tersebut masih ekonomi untuk digunakan atau perlu dilupuskan manakala rekod penggunaan minyak adalah penting bagi menjustifikasi penggunaan minyak bagi tempoh yang digunakan. Semakan Audit mendapati tiada rekod penyenggaraan diselenggara di kedua-dua ladang. Semakan Audit seterusnya terhadap jumlah perbelanjaan operasi ladang mendapati kos pembelian minyak dan pelincir menunjukkan trend meningkat iaitu daripada sejumlah AUD296,685 pada tahun 2011 meningkat 25.5% kepada AUD372,471 pada tahun 2012 dan meningkat lagi sebanyak 13.5% kepada AUD422,860 pada tahun 2013. Semakan Audit juga mendapati tiada rekod penggunaan minyak disimpan di kedua-dua ladang menyebabkan justifikasi penggunaan minyak tidak dapat ditentukan. Depo simpanan minyak di ladang Rosewood semasa lawatan Audit dijalankan adalah seperti di **Gambar 2.13**.



**Gambar 2.13
Depo Simpanan Minyak Di Ladang
Rosewood**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Rosewood Cattle Station

Tarikh: 17 Jun 2014

2.4.3.6. Kontrak Pekerjaan

Rosewood Station Pty. Ltd. secara keseluruhan menggaji seramai 4 orang pekerja tetap di ladang manakala Pengurus Besar RSPL dan Penyelia Ladang Strathmere dilantik secara kontrak. Seharusnya kontrak antara majikan dengan pekerja ditandatangani dan didokumenkan serta disimpan bagi tujuan rekod dan rujukan. Setakat tarikh pengauditan ini dijalankan, pihak RSPL hanya mengemukakan satu dokumen sahaja berkaitan kontrak pekerjaan antara RSPL dan pegawainya kepada pihak Audit untuk disemak. Oleh yang demikian pihak Audit tidak dapat untuk menentukan sama ada terma kontrak pekerjaan, skop kerja dan had kuasa dipatuhi bagi 3 pegawai yang lain. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa dokumen kontrak pekerjaan bagi orang 4 kakitangan tetap melalui pengambilan terus (*direct employment*) telah disediakan dan akan ditandatangani selepas musim hujan iaitu pada peringkat permulaan aktiviti di Rosewood.**

Pada pendapat Audit, pengurusan ladang perlu ditingkatkan bagi menjaga kepentingan PPES selaku pemilik RSPL. Pengurusan aset perlu ditambah baik manakala kontrak pekerjaan hendaklah disediakan, ditandatangani dan disimpan sebagai rujukan.

2.4.4. Mekanisme Pemantauan

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan segera dapat diambil untuk menyelesaiannya. Ia juga bertujuan untuk memastikan entiti yang dipantau mematuhi garis panduan atau undang-undang yang telah ditetapkan. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak selaku pemilik RSPL berhak untuk menetapkan garis panduan atau elemen kawalan ke atas RSPL bagi menjaga kepentingan PPES. Antara pemantauan yang dijalankan oleh PPES ialah dengan menghendaki Laporan Kewangan Bulanan bersama Laporan Keadaan Semasa Ladang dihantar kepada PPES. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan oleh PPES ke atas RSPL mendapati perkara yang berikut:

2.4.4.1. Pengurusan RSPL adalah di bawah tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah daripada Australia dan mereka diberi kuasa sepenuhnya dalam operasi harian syarikat asalkan perbelanjaan tidak melebihi bajet yang diluluskan. Operasi ladang adalah bergantung sepenuhnya kepada integriti Pengurus Besar Syarikat dan pengurus ladang. Dengan keadaan ladang yang sangat luas dan jumlah ternakan lembu yang tidak dapat dipastikan dengan tepat boleh menyebabkan pengurusan adalah terdedah kepada risiko ketirisan.

2.4.4.2. Pengauditan dalaman PPES ke atas RSPL hanya pertama kali dijalankan pada tahun 2012 iaitu selepas 29 tahun RSPL dimiliki oleh THSB.

2.4.4.3. Menurut prosedur operasi RSPL pula mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 3 hingga 4 kali setahun. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah RSPL bagi tempoh 2010 hingga 2013 mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah RSPL telah dijalankan sebanyak 2 hingga 3 kali sahaja setahun. Manual Operasi RSPL pula hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 9 Julai 2013.

2.4.4.4. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 15 Disember 2014, menyatakan bahawa pihak pengurusan mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam bidang ternakan. Rosewood Station Pty. Ltd. masih membuat pertimbangan untuk penggunaan sistem NLIS sepenuhnya bagi semua lembu di ladang memandangkan ianya melibatkan kos yang tinggi. Mekanisme pemantauan yang dijalankan adalah melalui:**

- a. **Sasaran yang ditetapkan dalam bajet tahunan.**
- b. **Laporan bulanan bagi aktiviti fizikal dan kewangan. Laporan tersebut dihantar kepada semua pengarah RSPL dan juga kepada Setiausaha Syarikat. Empat orang yang menerima laporan tersebut juga merupakan staf PPES.**
- c. **Juruaudit luaran melakukan kerja pengauditan terhadap Rosewood setiap tahun dan melawat ladang-ladang setiap 2 tahun.**
- d. **Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang sebanyak 2 hingga 3 kali setahun adalah mencukupi.**

2.4.5. Pelan Kesinambungan (*Succession Plan*)

Mengikut amalan terbaik, sesuatu organisasi perlu mempunyai perancangan berkenaan modal insan sebagai persediaan bagi memastikan kelangsungan operasi sesuatu organisasi. Rosewood Station Pty. Ltd. diuruskan oleh seorang pengurus besar dan dibantu seramai 5 orang pekerja tetap yang mana kesemuanya adalah warga Australia tanpa ada pegawai dari PPES yang memahami secara mendalam selok belok perniagaan RSPL dan berkebolehan mengambil alih sekiranya sesuatu yang di luar jangkaan berlaku. Kakitangan sedia ada di RSPL dari segi kebolehan hanya tertumpu kepada bidang kepakaran masing-masing dalam

operasi ladang namun dari segi pengurusan keseluruhan, RSPL hanya bergantung kepada Pengurus Besar. **Maklum balas daripada PPES bertarikh 19 November 2014, menyatakan bahawa bagi sebuah syarikat yang hanya mempunyai 4 orang pekerja tetap, pelan kesinambungan adalah tidak diperlukan. Sekiranya syarikat perlu mencari pengganti pekerja, syarikat boleh mencari calon pekerja menerusi pasaran.**

2.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah bagi menambah baik dan memantapkan lagi pengurusan ternakan lembu di Australia, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak melalui PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak perlu menjalankan satu kajian impak mengenai tahap pencapaian objektif pelaburan Kerajaan Negeri Sarawak dalam ternakan lembu di Australia. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. hendaklah membuat perolehan lembu bagi negeri Sarawak dengan menetapkan spesifikasi dan jenis lembu yang berkualiti daripada RSPL.

2.5.2. Rosewood Station Pty. Ltd. perlu meningkatkan prestasi jualan syarikat melalui jualan domestik dan eksport. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. perlu mempertingkatkan pemantauan operasi dan pengurusan RSPL terutamanya dari segi tempahan dan penjualan lembu.

2.5.3. Pengurusan ladang perlu ditingkatkan bagi menjaga kepentingan PPES selaku pemilik RSPL dengan menempatkan pegawai PPES secara langsung dalam pengurusan syarikat RSPL di Australia. Pengurusan aset perlu ditambah baik manakala kontrak pekerjaan hendaklah disediakan dan ditandatangani.

2.5.4. PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. perlu menyediakan pelan untuk kesinambungan RSPL dalam industri ternakan supaya berdaya saing dan menguntungkan.

JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

3. PENGURUSAN PENGELOUARAN SIJIL HALAL

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) berserta logo halal merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, barang kegunaan orang Islam termasuk premis makanan dan rumah sembelih yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sijil Halal dikeluarkan bertujuan memberi pengiktirafan dan jaminan kepada masyarakat Islam bahawa makanan yang dimakan, produk, bahan gunaan dan premis yang digunakan adalah halal, bersih dan suci. Pemakaian Sijil dan Logo Halal adalah tidak mandatori. Namun mengguna dan mempamerkan Sijil dan Logo Halal palsu adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

3.1.2. Pengurusan Sijil Halal adalah di bawah pengendalian JAKIM dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Halal kepada JAIN. Selain itu, JAKIM juga bertanggungjawab mengeluarkan dan memperakui Sijil Halal bagi pengeluaran produk/barangan dari luar negara. Setakat Disember 2014, JAKIM telah mengiktiraf Sijil dan Logo Halal yang dikeluarkan oleh 75 agensi dari luar negara. Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) mengguna pakai Ordinan Majlis Islam Sarawak (MIS) 2001, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2011 (Semakan Kedua), MS1500:2009 Makanan Halal - Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan - Garis Panduan Umum (Semakan Kedua), MS1480:1999 [*Food Safety According to HACCP*] dan MS1514:2001 (*General Principles of Food Hygiene*)] sebagai panduan dalam pengurusan pengeluaran Sijil Halal. Unit Pembangunan Halal, Bahagian Penguatkuasaan Syariah JAIS merupakan unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan, kelulusan, pemantauan dan penguatkuasaan Sijil Halal di negeri Sarawak.

3.1.3. Semenjak 2004 sehingga 2014, sebanyak 1,837 permohonan Sijil Halal telah diterima oleh Unit Pembangunan Halal JAIS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,369 atau 74.5% permohonan telah diluluskan serta dikeluarkan Sijil Halal. Bagi tempoh 2012 hingga Disember 2014, sebanyak 682 Sijil Halal telah dikeluarkan. Setakat Disember 2014 terdapat 413 pemegang Sijil Halal berstatus masih sah di negeri Sarawak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Pemegang Sijil Halal Di Sarawak Sehingga Disember 2014

Bil.	Kategori Sijil Halal	Bilangan Sijil Halal
1.	Premis Makanan	229
2.	Produk Makanan	163
3.	Rumah Sembelih	21
Jumlah		413

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran Sijil Halal Malaysia telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengeluaran Sijil Halal bagi tempoh 2012 hingga 2014 di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri. Pengauditan ini merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran Sijil Halal dengan memberi tumpuan kepada permohonan dan proses pensijilan halal, pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak JAIS. Bagi tujuan ini, semakan Audit dijalankan terhadap dokumen dan rekod berkaitan di JAIS bagi tempoh 2012 hingga 2014. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mendapat penjelasan berhubung aktiviti pengurusan pensijilan halal. Selain itu, lawatan ke premis yang mempunyai Sijil Halal turut diadakan. *Exit Conference* bersama Ketua Penguatkuasa Syarie Jabatan Agama Islam Sarawak telah diadakan pada 7 Januari 2015 yang turut dihadiri Penolong Pengarah Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Sarawak.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati prestasi amnya pengurusan pengeluaran Sijil Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan memerlukan penambahbaikan dalam aspek-aspek seperti berikut:

- Proses permohonan Sijil Halal.
- Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan Sijil Halal.
- Kuasa penguatkuasaan oleh JAIS di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.
- Program promosi Sijil Halal.

3.4.1. Status Pengeluaran Sijil Halal Dalam Tempoh 2012 Hingga 2014

Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sebanyak 791 permohonan Sijil Halal (termasuk permohonan pembaharuan sijil) telah diterima oleh Unit Pembangunan Halal JAIS daripada pengusaha premis/syarikat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 682 permohonan telah dilulus serta dikeluarkan Sijil Halal. Analisis Audit mendapati prestasi permohonan Sijil Halal pada tahun 2013 menurun sebanyak 266 atau 69.6% berbanding tahun 2012 tetapi meningkat semula sebanyak 177 atau 152.6% pada tahun 2014. Manakala bagi prestasi permohonan yang dilulus dan dikeluarkan Sijil Halal pula menurun sebanyak 74 atau 27.1% daripada 273 sijil pada tahun 2012 kepada 199 sijil pada tahun 2013 disebabkan permohonan yang berkurangan pada tahun 2012 iaitu daripada 382 kepada 116 permohonan. Bagaimanapun, pengeluaran Sijil Halal pada tahun 2013 melebihi 83 atau 171.6% daripada permohonan disebabkan permohonan Sijil Halal pada tahun 2012 dan sebelumnya telah diluluskan pada tahun tersebut. Pada tahun 2014 pula ia meningkat sebanyak 11 atau 5.5% iaitu daripada 199 pada tahun 2013 kepada 210 pada tahun 2014. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Prestasi Permohonan Dan Pengeluaran Sijil Halal
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014


Tahun	Mohon			Lulus			Belum Lulus/ Ditolak	
	(Bil.)	Naik/(Turun)		(Bil.)	Naik/(Turun)		(Bil.)	(%)
		(Bil.)	(%)		Bil.	(%)		
2012	382	-	-	273	-	71.5	109	28.5
2013	116	(266)	(69.6)	199	74	171.6	-	-
2014	293	177	152.6	210	11	71.7	83	28.3
Jumlah	791	-	-	682	-	-	-	-

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

3.4.2. Proses Permohonan Sijil Halal

3.4.2.1. Proses permohonan Sijil Halal melibatkan penyemakan dokumen permohonan, bayaran perkhidmatan, pemeriksaan dan pengauditan ke premis, Mesyuarat Panel Pengesahan Halal dan pengeluaran Sijil Halal. Jabatan Agama Islam Sarawak menetapkan pengeluaran Sijil Halal hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal. Carta aliran prosedur pensijilan Halal Malaysia adalah seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1
Carta Aliran Prosedur Pensijilan Halal Malaysia



Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

3.4.2.2. Permohonan Sijil Halal, pembaharuan sijil dan tambah produk hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan Sijil Halal yang boleh didapati di JAIS berserta dengan dokumen sokongan seperti salinan Sijil Pendaftaran Syarikat, lesen operasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan, senarai halal bahan ramuan yang digunakan dan bilangan pekerja Islam. Mulai tahun 2013 semua permohonan tersebut perlu dibuat secara on-line melalui laman web Sistem e-Halal. Pemeriksaan dan pengauditan terhadap premis dijalankan setelah permohonan Sijil Halal yang diterima memenuhi dan mematuhi syarat yang ditetapkan. Bayaran perkhidmatan pensijilan adalah dengan kadar antara RM100 hingga RM700 setahun. Bagi negeri Sarawak, tempoh sah laku Sijil Halal yang dikeluarkan untuk premis makanan dan produk makanan serta barang gunaan adalah 2 tahun. Bagi rumah sembelih pula adalah satu tahun berkuat kuasa pada tahun 2013.

3.4.2.3. Semakan Audit terhadap 125 borang permohonan Sijil Halal mendapat Unit Pembangunan Halal JAIS mengambil masa antara 1 hingga 685 hari bagi memproses permohonan iaitu bermula dari tarikh permohonan hingga pengeluaran Sijil Halal. Tempoh memproses sijil yang mengambil masa lama di peringkat pemeriksaan dan pengauditan premis selepas bayaran dijelaskan menyebabkan pengusaha premis dan rumah sembelih beroperasi tanpa Sijil Halal dan boleh menjelaskan imej pihak JAIS. Butiran lanjut tempoh

pengumuran proses permohonan dan pengeluaran Sijil Halal adalah seperti di **Jadual 3.3** .

Jadual 3.3
Pengumuran Proses Permohonan Sehingga Keluar Sijil Halal
Bagi Tempoh 2012 hingga 2014

Bil.	Proses Permohonan Sijil Halal	<30 hari (Bil. Kes)	30-60 hari (Bil. Kes)	60-90 hari (Bil. Kes)	90-120 hari (Bil. Kes)	>120 hari (Bil. Kes)
1.	Permohonan sehingga keluar sijil halal	8	20	36	22	39
2.	Pengauditan selepas bayaran dijelaskan	51	47	12	3	12
3.	Kelulusan permohonan dibuat oleh Panel Pengesahan Halal	92	14	8	4	7

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

3.4.2.4. Maklum balas daripada JAIS bertarikh 7 Januari 2015, menyatakan JAIS tidak menetapkan tempoh tertentu untuk setiap peringkat proses permohonan kecuali di peringkat pengeluaran Sijil Halal. Tempoh proses hanya dinyatakan dalam Pelan Strategik.

a. Pemeriksaan Dan Pengauditan Terhadap Premis

Pemeriksaan dan pengauditan terhadap premis dijalankan setelah permohonan Sijil Halal yang diterima memenuhi syarat yang ditetapkan dan bayaran perkhidmatan pensijilan dijelaskan. Pemeriksaan dan pengauditan terhadap premis adalah melibatkan pemeriksaan dokumen, kebersihan premis, pengendalian produk, peralatan, perkakasan, penyimpanan, pembungkusan, pelabelan, keselamatan dan pengambilan sampel untuk ujian makmal (sekiranya perlu). Semakan Audit mendapati :

- i. Pemeriksaan dan pengauditan ke premis berserta dengan penyediaan Laporan Pemeriksaan selepas pembayaran perkhidmatan pensijilan dibuat dalam tempoh 1 hingga 612 hari. Tempoh tersebut merangkumi tempoh pengauditan susulan yang dijalankan oleh Pegawai Audit Halal sekiranya pihak pengusaha premis dan syarikat gagal memenuhi syarat yang ditetapkan.
- ii. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, 109 permohonan daripada pengusaha premis telah diberikan teguran kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan seperti kebersihan premis, peralatan, perkakasan tidak memuaskan dan bahan ramuan yang diragui status halalnya yang memerlukan pengesahan lanjut dari makmal. Pegawai Audit Halal akan menjalankan pemeriksaan susulan setelah semua teguran diambil tindakan oleh pengusaha premis. Bagaimanapun, pihak JAIS tidak menetapkan tempoh tertentu bagi menjalankan tindakan susulan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Sijil Halal mengambil masa yang lama untuk dikeluarkan.

b. Sijil Halal Dikeluarkan Tidak Mengikut Piagam Pelanggan

Mengikut Piagam Pelanggan JAIS, Sijil Halal hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas permohonan diluluskan oleh Panel Pengesahan Halal. Semakan Audit terhadap 125 permohonan Sijil Halal bagi tempoh 2012 hingga 2014 mendapati Sijil Halal dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 252 hari dari ianya diluluskan. Daripada 125 permohonan yang disemak terdapat 10 Sijil Halal dikeluarkan melebihi tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 21 hingga 252 hari dari ianya diluluskan. Pengeluaran Sijil Halal tidak mengikut Piagam Pelanggan ini menyebabkan rumah sembelih, premis makanan dan produk makanan beroperasi tanpa Sijil Halal. Selain itu, ia juga boleh menjelaskan imej pihak JAIS dari segi kecekapan mengurus Pensijilan Halal Malaysia seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Sijil Halal Dikeluarkan Kepada Pengusaha Tidak Mengikut Piagam Pelanggan
Bagi Tempoh 2012 hingga Disember 2014

Bil.	Kategori Pemohon	Nama Permis/Syarikat	Tarikh Diluluskan	Tarikh Sijil Dikeluarkan	Melewati Tempoh 14 Hari (Hari)
1.	Rumah Sembelih	Ayam Champion Food Sdn. Bhd.	12.06.2013	16.06.2014	252
2.	Premis Makanan	Islamic Nyonya Café	07.06.2012	13.10.2012	89
3.	Produk Makanan	Dinamik Wirajaya	01.10.2012	22.11.2012	35
4.	Rumah Sembelih	Yeung Lok Coldstorage Sdn. Bhd.	25.09.2014	16.11.2014	35
5.	Premis Makanan	Boulevard Enterprise (Miri) Sdn. Bhd.	01.10.2012	21.11.2012	34
6.	Premis Jualan	Square A Enterprise	01.03.2013	14.04.2013	31
7.	Produk Makanan	Fung Lee Seafood	04.12.2012	17.01.2013	31
8.	Premis Makanan	Li Hua Hotel (Bintulu) Sdn. Bhd.	12.06.2013	18.07.2013	26
9.	Produk Makanan	Lee Fah Mee Sdn. Bhd.	29.08.2013	01.10.2013	22
10.	Premis Makanan	Regalia Ritz Enterprise Sdn. Bhd.	01.03.2013	01.04.2013	21

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

- c. Maklum balas JAIS bertarikh 2 Januari 2015, menyatakan setelah kelulusan permohonan Sijil Halal diperolehi melalui Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Majlis Islam Sarawak, pihak JAIS akan memaklumkan kepada pihak JAKIM berkenaan kelulusan tersebut melalui emel serta mengemaskini ke dalam Sistem e-Halal. Bagi permohonan yang diterima mulai 1 Januari 2013, semua pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan dicetak oleh pihak JAKIM dan kemudian dihantar ke JAIS bagi tujuan pengagihan. Oleh yang demikian, kelewatan bagi pengeluaran sijil tersebut adalah disebabkan beberapa faktor sama ada daripada pihak JAIS ataupun JAKIM.**

Pada pendapat Audit, proses permohonan Sijil Halal adalah kurang memuaskan kerana mengambil masa yang lama untuk meluluskan permohonan dan mengeluarkan Sijil Halal.

3.4.3. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Terhadap Penggunaan Sijil Halal

3.4.3.1. Mengikut MPPHM 2011 (Semakan Kedua) pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah dijalankan secara mengejut/berkala bagi memastikan syarikat/pengusaha premis makanan sentiasa mematuhi syarat Pensijilan Halal. Semakan Audit mendapati pihak JAIS tidak menyediakan rancangan dan jadual pemantauan yang khusus bagi menjalankan pemantauan berkala. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati pemeriksaan ke premis ada dijalankan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Halal, Majlis Islam Sarawak yang diadakan pada setiap 2 bulan sekali. Bagi tempoh 2012 hingga Disember 2014 sebanyak 588 pemantauan ke atas premis makanan, produk makanan dan rumah sembelih telah dijalankan di seluruh Sarawak. Selain itu, bagi tempoh yang sama sebanyak 134 operasi bersepada turut dijalankan bersama dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan Kementerian Kesihatan. Mengikut Laporan Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Halal JAIS, bagi tempoh 2012 hingga 2014 sebanyak 15 Sijil Halal telah ditarik balik kerana melakukan pelbagai kesalahan seperti tidak menjaga kebersihan premis dan menggunakan bahan ramuan yang tiada Sijil Halal.

3.4.3.2. Lawatan pemantauan Audit bersama pegawai JAIS ke 32 premis dan pengusaha pemegang Sijil Halal di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri mendapati antara kesalahan yang dilakukan oleh pengusaha dan syarikat adalah seperti mempamerkan Sijil Halal tamat tempoh, mengguna bahan ramuan yang tiada pengesahan Sijil Halal dan tidak menjaga kebersihan premis, peralatan dan pekerja. Laporan Pemeriksaan Halal yang mengandungi semua teguran dan amaran berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap pensijilan halal telah dikeluarkan kepada pengusaha premis setelah pemeriksaan dijalankan. Pengusaha premis berkenaan dikehendaki mengambil tindakan terhadap teguran tersebut dalam tempoh satu minggu dari tarikh laporan pemeriksaan halal tersebut dikeluarkan.

a. Mengguna Bahan Ramuan Tiada Sijil Halal

Penggunaan bahan ramuan yang tiada Sijil Halal atau menambah pembekal dan pengeluar yang tidak mendapat pengesahan halal dari JAKIM atau JAIS adalah satu kesalahan besar yang boleh digantung Sijil Halal seperti yang dinyatakan pada Perenggan 7.4.6 MPPHM 2011 (Semakan Kedua). Semakan Audit bersama dengan pegawai JAIS terhadap pemegang Sijil Halal di Kuching, Sibu dan Miri pada bulan Oktober 2014 mendapati 10 daripada 32 daripada pengusaha premis yang diperiksa mengguna bahan ramuan yang tiada Sijil Halal. Antara bahan ramuan yang digunakan dan tidak diketahui status halalnya adalah seperti *Rosen Paprika Powder, Vanilla Custard, Balsamic Vinegar, Orange Tangerine, Yellow Mustard, Black Vinegar, Wasabi Powder, Parmesan Cheese* dan *Baby Octopus*.

b. Kebersihan Premis, Peralatan Dan Pekerja Tidak Dijaga

Mengikut Perenggan 7.4.6(a) MPPHM (Semakan Kedua) adalah menjadi satu kesalahan kepada pengusaha premis yang mendapat Sijil Halal sekiranya tidak menjaga kebersihan premis, peralatan, persekitaran dan pekerja. Pihak JAIS boleh memberi amaran dan teguran kepada pengusaha yang terlibat supaya mengambil tindakan pembetulan dan sekiranya pengusaha gagal mematuhi arahan atau teguran yang diberi, maka tindakan untuk penggantungan Sijil Halal boleh dikenakan. Pemeriksaan Audit bersama pegawai JAIS pada bulan Oktober 2014 terhadap 32 premis yang dipilih mendapat terdapat 24 pengusaha premis dan syarikat tidak menjaga kebersihan kawasan premis dan pekerja seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak
Tarikh: 21 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2014

c. Pemantauan Terhadap Rumah Sembelih

Semakan Audit terhadap rekod pemantauan bagi rumah sembelih untuk tempoh 2012 hingga 2014 mendapati sebanyak 65 pemantauan telah dijalankan melibatkan 18 rumah sembelih di seluruh Sarawak. Kekerapan lawatan dan pemeriksaan ke rumah sembelih yang dijalankan pihak JAIS adalah kurang daripada 4 kali setahun. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2014 pula, 4 hingga 7 rumah sembelih tidak dilawati dan diperiksa. Kekurangan pemantauan atau tiada lawatan dan pemeriksaan ini menyebabkan rumah sembelih tersebut beroperasi dengan melanggar syarat pensijilan halal seperti tidak menjaga kebersihan premis, peralatan dan pekerja. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Rekod Pemantauan Rumah Sembelih Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Rumah Sembelih	Bilangan Pemantauan			
		2012	2013	2014	Jumlah
1.	Ayam Champion Sdn. Bhd.	2	1	1	4
2.	Borneo Farm Sdn. Bhd.	1	0	1	2
3.	CCK Fresh Mart Sdn. Bhd.	1	1	2	4
4.	Central Coldstroage Kuching Sdn. Bhd.	1	3	3	7
5.	Comerich Sdn. Bhd.	1	1	2	4
6.	K & L Farming Sdn. Bhd.	1	1	1	3
7.	Kiong Hin Chicken Farm	0	2	0	2
8.	Mahasal Sdn. Bhd.	0	4	0	4
9.	Muzana Enterprais	1	1	0	2
10.	Nguong Sung Farm Sdn. Bhd.	1	3	1	5
11.	Perusahaan Zaman Jaya Poultry Sdn. Bhd.	3	3	1	7
12.	PPES Ternak Sdn. Bhd.	1	3	0	4
13.	Shin Yang Agriculture Sdn. Bhd.	2	0	1	3
14.	Siak Liang Enterprise Sdn. Bhd.	0	1	3	4
15.	Yeung Lok Coldstorage Sdn. Bhd.	0	1	3	4
16.	Boh Ming Food Processing Ind. Sdn. Bhd.	0	0	1	1
17.	Beishi Trading Co. Sdn. Bhd.	0	0	1	1
18.	Goodwill Avenue Coldstorage Sdn. Bhd.	0	0	1	1
Jumlah Keseluruhan		17	26	22	65

Sumber: Jabatan Agama Islam Sarawak

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan Sijil Halal perlu dipertingkatkan terutama terhadap rumah sembelih yang masih kurang dijalankan. Bahagian Penguatkuasaan Sijil Halal perlu membuat lawatan susulan ke premis yang mendapat teguran JAIS.

3.4.4. Kuasa Penguatkuasaan Oleh JAIS Di Bawah Akta Perihal Dagangan 2011

3.4.4.1. Mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, tugas penguatkuasaan, pemantauan dan pelaksanaan undang-undang termasuk kuasa pendakwaan dan bayaran kompaun/denda terhadap pemegang Sijil Halal adalah di bawah bidang

kuasa/tanggungjawab KPDKKK. Pada bulan Oktober 2013, KPDKKK telah menurunkan kuasa tersebut dan mewartakannya kepada pegawai JAIS untuk menjalankan tugas tersebut.

3.4.4.2. Semakan Audit mendapati pada bulan Oktober 2013, sebanyak 17 Kad Kuasa telah diberikan oleh KPDKKK kepada 17 pegawai JAIS bagi menjalankan tugas penguatkuasaan dan lain-lain tugas yang berkaitan. Namun pihak Audit difahamkan tugas tersebut tidak dijalankan sepenuhnya oleh pegawai JAIS disebabkan pegawai JAIS belum lagi bersedia untuk menjalankan tugas penguatkuasaan, pendakwaan dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan sepenuhnya. Selain itu, pegawai JAIS kurang kemahiran dan kefahaman berkaitan undang-undang yang berkenaan. Pegawai JAIS tidak didedahkan dengan kaedah pelaksanaan undang-undang tersebut dengan cara yang sepatutnya. Selain itu, JAIS juga mengalamikekangan dari segi kesanggupan dan bilangan pegawai yang akan menjalankan tugas tersebut yang sudah sedia dibebani tugas harian mereka. Pihak JAIS memaklumkan pihaknya menunggu pandangan dan syor daripada Jabatan Peguam Besar Negeri berhubung kuasa dan perundangan di antara JAIS dan KPDKKK bagi menjalankan tugas tersebut.

3.4.4.3. Walau bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati, pegawai JAIS tetap menjalankan pemeriksaan di premis makanan dan rumah sembelih yang terpilih bagi memastikan pemegang Sijil Halal sentiasa mematuhi syarat halal yang ditetapkan seperti penggunaan bahan ramuan masakan, kebersihan kawasan premis termasuk persekitarannya. Bagi pemeriksaan dan penguatkuasaan di Kuching ia dijalankan oleh 2 pegawai dari Bahagian Penguatuasa Unit Pembangunan Sijil Halal. Di peringkat Bahagian ia dijalankan oleh pegawai dari Ibu Pejabat JAIS yang turut dibantu oleh pegawai JAIS Bahagian. Bagaimanapun, tugas penguatkuasaan dan pemeriksaan yang dijalankan adalah tanpa Kad Kuasa.

3.4.4.4. Maklum balas daripada JAIS bertarikh 2 Januari 2015, menyatakan tidak semua pegawai JAIS yang terlibat dengan tugas pemeriksaan dan pemantauan dalam pensijilan halal diberikan Kad Kuasa. Pegawai JAIS yang diberikan Kad Kuasa ramai yang tidak terlibat dengan tugas penguatkuasaan tersebut kerana tidak bertugas di Unit Pembangunan Halal.

Pada pendapat Audit, kad kuasa dari KPDKKK hendaklah diberikan kepada semua pegawai yang terlibat dengan tugas pemeriksaan dan pemantauan.

3.4.5. Program Promosi Sijil Halal

3.4.5.1. Jabatan Agama Islam Sarawak hendaklah merancang program promosi dan hebahan bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pengusaha premis dan pengguna terhadap kepentingan Sijil Halal. Semakan Audit mendapati JAIS tidak mempunyai rancangan yang khusus dalam mempromosi Sijil Halal. Namun pihak JAIS ada menyertai beberapa program yang dianjurkan oleh agensi luar seperti *Halal Outreach*

Programme (HOPE) dengan mengadakan seminar, pameran produk dan perkhidmatan halal. Selain itu, pihak JAIS juga ada membuat hebahan tentang Sijil Halal melalui Slot Halal di Radio Televisyen Malaysia (RTM) sekali pada setiap bulan.

3.4.5.2. Maklum balas daripada JAIS bertarikh 2 Januari 2015, menyatakan pihaknya mempunyai laman facebook Halal MIS yang digunakan sebagai medium makluman khas yang berkaitan dengan halal serta laman web jabatan yang turut digunakan. Selain daripada itu, program “Jom Berambeh” di setiap Bahagian pada setiap tahun turut menyediakan kempen dan taklimat kesedaran halal. Terdapat juga penglibatan Unit Pembangunan Halal JAIS dalam pameran yang diadakan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, program promosi yang berterusan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha berhubungan kepadaan dan keperluan Sijil Halal perlu lebih giat dijalankan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal Malaysia di negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan Jabatan Agama Islam Sarawak mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

3.5.1. Jabatan Agama Islam Sarawak hendaklah memasukkan tempoh memproses sijil halal ke dalam Manual Prosedur Kerja atau Piagam Pelanggan agar ianya dapat diperaktikkan dengan lebih berkesan. Tempoh pengeluaran Sijil Halal hendaklah dikeluarkan mengikut Piagam Pelanggan.

3.5.2. Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan Sijil Halal perlu dipertingkatkan terutama terhadap rumah sembelih dan memastikan pengusaha sentiasa mematuhi syarat pensijilan halal seperti ditetapkan.

3.5.3. Kad kuasa dari KPDNKK hendaklah diberikan kepada semua pegawai yang terlibat dengan tugas pemeriksaan dan pemantauan.

3.5.4. Program promosi yang berterusan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha berhubungan kepadaan dan keperluan Sijil Halal perlu lebih giat dijalankan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL SARAWAK

4. PENGURUSAN PROJEK MENAIK TARAF DAN MENYENGGARA KEMUDAHAN SUKAN PERBADANAN STADIUM NEGERI SARAWAK

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif membina kemudahan sukan baru serta menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan sedia ada yang terletak di seluruh negeri Sarawak. Ini adalah selaras dengan harapan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sukan dan meningkatkan mutu prasarana sukan di seluruh negeri agar setaraf dengan pembangunan bidang lain di negeri Sarawak. Di samping itu, pembinaan kemudahan sukan baru serta menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan sedia ada juga dilaksanakan sebagai persediaan Kerajaan Negeri yang akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Malaysia Ke-18 (SUKMA XVIII) pada tahun 2016.

4.1.2. Kementerian Pembangunan Sosial (KPS) bertanggungjawab untuk menyedia serta menyenggara kemudahan sukan di seluruh negeri Sarawak dengan bantuan pelbagai agensi seperti Perbadanan Stadium Negeri Sarawak (PSNS), Dewan Suarah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Perbadanan Stadium Negeri Sarawak ditubuhkan di bawah Ordinan Stadium Negeri Sarawak, 1972. Pengurusan dan pentadbiran PSNS adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Pentadbiran yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KPS dan ahli terdiri daripada Setiausaha Kewangan Negeri atau wakil, Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakil dan Pengarah Jabatan Ketua Menteri atau wakil. Pengurus Besar bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan operasi harian PSNS. Manakala agensi pelaksana yang dilantik untuk melaksanakan kerja penyenggaraan serta menaik taraf kemudahan sukan adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan PBT yang berkaitan. Sehingga 2014, 95 kemudahan sukan diurus oleh KPS dan agensi lain yang dilantik. Perbadanan Stadium Negeri Sarawak bertanggungjawab ke atas 13 kemudahan sukan yang terdiri daripada stadium, dewan, gelanggang, gimnasium dan padang. Lokasi, agensi mengurus, bilangan kemudahan sukan di seluruh negeri Sarawak dan kemudahan di bawah tanggungjawab PSNS adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Lokasi, Agensi Mengurus Dan Bilangan Kemudahan Sukan
Di Seluruh Negeri Sarawak Hingga 2014

Bil.	Bahagian	Agensi Mengurus	Bilangan Kemudahan Sukan
1.	Kuching	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	13 2 4
2.	Samarahan	Kementerian Pembangunan Sosial Pihak Berkuasa Tempatan	6 2
3.	Sibu	Kementerian Pembangunan Sosial Pihak Berkuasa Tempatan	3 3
4.	Kapit	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	2 2 1
5.	Mukah	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	2 4 2
6.	Sarikei	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	4 1 3
7.	Betong	Pihak Berkuasa Tempatan	6
8.	Sri Aman	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	3 5 2
9.	Miri	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah	9 2
10.	Limbang	Kementerian Pembangunan Sosial Dewan Suarah Pihak Berkuasa Tempatan	1 5 3
11.	Bintulu	Kementerian Pembangunan Sosial	5
Jumlah			95

Sumber: Kementerian Pembangunan Sosial

4.1.3. Peruntukan Kerajaan Negeri bagi tujuan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan di seluruh negeri Sarawak terdiri daripada peruntukan pembangunan yang digunakan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan serta menaik taraf yang berskala besar. Peruntukan mengurus digunakan untuk kerja penyenggaraan kecil serta rutin seperti kerja pembersihan, pemotongan rumput, mengecat, pemberian kecil dan lain-lain.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan projek menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan PSNS telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan PSNS bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan di KPS dan PSNS dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit ke tapak

projek kemudahan sukan untuk tujuan pengesahan serta temu bual dijalankan untuk mendapat maklum balas. *Exit Conference* bersama Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial telah diadakan pada 7 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh Pengurus Besar, Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dan wakil Jabatan Kerja Raya.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek menaik taraf kemudahan sukan di bawah peruntukan pembangunan adalah memuaskan dari segi prestasi fizikal dan pelaksanaan projek tetapi perancangan projek adalah kurang memuaskan. Pengurusan perolehan dan kerja bagi menaik taraf dan menyenggara di bawah peruntukan mengurus adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Perancangan projek di bawah peruntukan pembangunan kurang memuaskan.
- Pengurusan perolehan bagi kerja penyenggaraan kecil di bawah peruntukan mengurus tidak memuaskan.

4.4.1. Prestasi Projek Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan

4.4.1.1. Bagi tahun 2012 hingga 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM70.59 juta di bawah peruntukan pembangunan serta mengurus bagi tujuan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan di seluruh Negeri Sarawak di mana sejumlah RM57.06 juta atau 80.8% telah dibelanjakan. Bagi tempoh yang sama peruntukan mengurus adalah RM33.23 juta dan perbelanjaan adalah RM33.10 juta atau 99.6%. Manakala peruntukan pembangunan adalah RM37.36 juta dan RM23.96 juta atau 64.1% telah dibelanjakan. Peruntukan yang diterima oleh PSNS bagi tempoh yang sama adalah RM47.63 juta manakala perbelanjaan adalah RM33.21 juta atau 69.7%. PSNS telah menerima RM10.27 juta peruntukan mengurus dan RM9.25 juta atau 90.1% telah dibelanjakan. Peruntukan pembangunan yang diterima oleh PSNS adalah RM37.36 juta dan RM23.96 juta atau 64.1% telah dibelanjakan bagi tujuan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Jadual 4.3**.

Jadual 4.2
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan
Negeri Sarawak Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
	Mengurus	Pembangunan		Mengurus	Pembangunan		
2012	13.86	18.91*	32.77	13.86	10.84*	24.70	75.4
2013	8.62	11.95	20.57	8.62	7.68	16.30	79.2
2014	10.75	6.50	17.25	10.62	5.44	16.06	93.1
Jumlah	33.23	37.36	70.59	33.10	23.96	57.06	80.8

Sumber: Kementerian Pembangunan Sosial

Nota: *Peruntukan dan perbelanjaan dari tahun 2010

Jadual 4.3
Peruntukan Dan Perbelanjaan Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan PSNS
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Peruntukan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
	Mengurus	Pembangunan		Mengurus	Pembangunan		
2012	2.83	18.91*	21.74	2.48	10.84*	13.32	61.3
2013	3.03	11.95	14.98	2.89	7.68	10.57	70.6
2014	4.41	6.50	10.91	3.88	5.44	9.32	85.4
Jumlah	10.27	37.36	47.63	9.25	23.96	33.21	69.7

Sumber: Perbadanan Sukan Negeri Sarawak

Nota: *Peruntukan dan perbelanjaan dari tahun 2010

4.4.1.2. Peruntukan pembangunan sejumlah RM37.36 juta diperuntukkan untuk melaksanakan 5 projek menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan PSNS. Status pelaksanaan projek adalah 3 siap, satu sedang dilaksanakan dan satu belum mula. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Prestasi Pelaksanaan Projek Menaik Taraf Dan Menyenggara Kemudahan Sukan PSNS
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Projek	Tarikh Peruntukan Diterima	Peruntukan (RM Juta)	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Status
1.	Cadangan Kerja Pembaikan Bumbung Dan Struktur Konkrit Stadium Sarawak	20.05.2010	25.5	Fasa 1 : 5.96 Fasa 2 : 11.03	01.03.2011 15.03.2013	28.02.2012 04.05.2014	Siap
2.	Kerja Pembaikan Lampu Limpah Stadium Negeri Sarawak	03.01.2011	5.11	5.11	18.05.2011	20.10.2011	Siap
3.	Mengganti Dan Naik Taraf <i>Display Board</i> Dan <i>Scoreboard</i> Di Stadium Perpaduan	03.01.2013	0.95	0.79	09.01.2013	07.02.2013	Siap
4.	Kerja Pembaikan Dan Naik Taraf Kemudahan Untuk Persediaan Sukan SUKMA 2016*	06.06.2014	6.00	6.00	26.09.2014	TB	Sedang Dilaksana
5.	Menaik Taraf Dewan Gimnastik	21.02.2014	0.50	TB	TB	TB	Belum Mula
Jumlah			37.36	28.89			

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

Nota: * Pelbagai kerja pembaikan

4.4.2. Perancangan Kurang Teliti

4.4.2.1. Projek yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dan peruntukan diluluskan bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar. Perancangan pelaksanaan penyenggaraan hendaklah mengambil kira keadaan sebenar kemudahan sukan supaya ianya dapat berfungsi sepenuhnya selepas kerja penyenggaraan dan menaik taraf dilaksanakan. Semakan Audit terhadap perancangan bagi projek Cadangan

Kerja Pembaikan Bumbung dan Struktur Konkrit Stadium Sarawak mendapat peruntukan asal bagi projek ini adalah RM3.5 juta dan projek telah dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 telah dimulakan pada bulan Mac 2011 dan siap pada bulan Februari 2012 dengan nilai kontrak sejumlah RM5.96 juta dan RM11.03 juta untuk Fasa 2. Semakan Audit seterusnya mendapat penambahan peruntukan bagi projek ini melibatkan pindah peruntukan sejumlah RM18 juta iaitu RM15 juta daripada 5 projek pembinaan kemudahan sukan lain yang telah dirancang dan sejumlah RM3 juta daripada peruntukan lain. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Pindah Peruntukan Bagi Melaksanakan Projek Cadangan Kerja
Pembaikan Bumbung dan Struktur Konkrit Stadium Sarawak

Bil.	Projek	Jumlah (RM Juta)
1.	Cadangan Padang Hoki	7.0
2.	Contribution	3.0
3.	Cadangan Pembinaan Padang Sukan Seluruh Sarawak	3.0
4.	Cadangan Pembinaan Kompleks Sukan Julau	2.0
5.	Cadangan Pembinaan Padang Hoki Di Kompleks Stadium	2.0
6.	Cadangan Pembinaan Kompleks Sukan Mukah	1.0
Jumlah		18.0

Sumber: Kementerian Pembangunan Sosial

4.4.2.2. Projek Cadangan Kerja Pembaikan Bumbung dan Struktur Konkrit Stadium Sarawak dilaksanakan setelah kajian awal iaitu *Structural Integrity Study* dibuat pada bulan November 2009 mendapat struktur Stadium Sarawak masih dalam keadaan baik tetapi terdapat kerosakan yang perlu dibaiki. Projek ini dilaksanakan dalam 2 fasa bermula dengan Fasa 1 pada bulan Mac 2011 hingga Fasa 2 yang siap pada bulan Mei 2014. Kos keseluruhan projek adalah RM21.06 juta.

4.4.2.3. Semakan Audit seterusnya mendapat pemeriksaan terhadap komponen elektrikal dan mekanikal dibuat dalam Fasa 1 semasa kerja pembaikan terhadap bumbung dan struktur konkrit dilaksanakan. Antara kerja yang dilaksanakan untuk fasa ini adalah kerja membaiki bumbung serta struktur konkrit di Quadrants C dan D, membaiki kawasan terbakar dan kerja pemeriksaan pendawaian elektrik sedia ada. Kerja pembaikan terhadap bumbung dan struktur konkrit telah dimulakan sejak bulan Mac 2011 dengan pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2 yang siap pada bulan Mei 2014. Bagaimanapun semakan Audit mendapat sehingga bulan November 2014, Stadium Sarawak masih belum dapat berfungsi sepenuhnya kerana keadaan kerosakan teruk disebabkan oleh kebocoran stadium tersebut yang telah berlaku sebelum kerja pembaikan terkini dilaksanakan dan tidak diambil kira semasa perancangan awal projek Cadangan Kerja Pembaikan Bumbung Dan Struktur Konkrit Stadium Sarawak. Antara kerja yang tidak diambil kira semasa perancangan awal projek adalah kos kerja elektrikal serta mekanikal dan pembaikan terhadap kemudahan lain yang rosak seperti tandas, bilik VIP, bilik persalinan dan kemudahan lain. Setakat ini, stadium ini hanya digunakan untuk tujuan

latihan oleh Persatuan Bola Sepak Sarawak tetapi penggunaan dihadkan kepada padang bola sepak sahaja. Keadaan kemudahan yang rosak dan yang telah dibaiki adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Stadium Sarawak
Tarikh: 12 November 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Stadium Sarawak
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Stadium Sarawak
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Stadium Sarawak
Tarikh: 20 Oktober 2014

4.4.2.4. Maklum balas daripada PSNS bertarikh 8 Disember 2014, menyatakan bahawa kerja pembaikan perlu dijalankan sebagai persediaan untuk SUKMA 2016 serta pertandingan bola sepak Liga Malaysia. Perunding baru telah dilantik oleh PSNS pada 16 Disember 2014 untuk membuat kajian dan mengenal pasti kerosakan kemudahan sukan di Kompleks Sukan Negeri.

Pada pendapat Audit, KPS dan PSNS tidak membuat perancangan yang menyeluruh dengan mengambil kira keadaan sebenar kemudahan sukan yang perlu dibaiki agar peruntukan yang mencukupi diperoleh dan tidak menjaskan pelaksanaan projek lain yang telah dirancang.

4.4.3. Pengurusan Kewangan Kurang Memuaskan

Perbadanan Stadium Negeri Sarawak telah menerima peruntukan mengurus daripada Kerajaan Negeri untuk menjalankan kerja penyenggaraan kecil dan rutin bagi semua kemudahan sukan di bawah tanggungjawabnya. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sejumlah RM10.27 juta telah diterima oleh PSNS dan sejumlah RM9.25 juta atau 90.1% telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Semakan terhadap perbelanjaan di bawah peruntukan tersebut mendapati kelemahan seperti berikut :

4.4.3.1. Perolehan Dipecah Kecil

- a. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 6 Tahun 2003 menetapkan had perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang tidak melebihi RM10,000 setahun bagi satu item atau kelas jenis item boleh dibuat secara pembelian terus. Bekalan, kerja dan perkhidmatan yang bernilai lebih daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga. Semakan Audit mendapati perolehan bagi 15 jenis bekalan dan perkhidmatan melibatkan 455 baucar bayaran bernilai sejumlah RM2.28 juta yang sepatutnya dibuat melalui mempelawa tender atau sebut harga tetapi sebaliknya telah dibuat secara pembelian terus. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Perolehan Perbelanjaan Mengurus Yang Dipecah Kecil Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Jenis Perolehan	2012		2013		2014		Jumlah Keseluruhan	
		*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)
1.	Membersih Dan Mengecat Semula	10	87,285	56	392,700	45	314,846	111	794,831
2.	Mencuci Longkang	18	159,979	42	122,902	31	104,072	91	386,953
3.	Membersih Dan Membuang Sampah Di Stadium/Tempat Letak Kereta	16	28,800	31	68,510	36	107,690	83	205,000
4.	Kerja Membaja	10	111,800	12	35,821	8	23,813	30	171,434
5.	Memotong Rumput	20	80,690	10	29,900	7	20,840	37	131,430
6.	Penyenggaraan Landskap	13	64,700	10	29,430	4	11,830	27	105,960
7.	Kerja Aerification Padang Bola Sepak	5	49,900	4	18,592	3	28,950	12	97,442
8.	Perkhidmatan Mencuci Tandas	4	30,922	12	35,821	8	23,813	24	90,556
9.	Membekal Dan Memasang Karpet	4	28,199	4	39,150	-	0	8	67,349
10.	Membekal Pelbagai Jenis Lampu	-	0	7	59,585	-	0	7	59,585
11.	Kerja Pemasangan, Membaiki Dan Fabrication	6	59,280	-	0	-	0	6	59,280
12.	Membekal Normal Hqi - TS 2000w/D/S	-	0	-	0	5	44,700	5	44,700
13.	Kerja Membaik Pulih Pendawaian Elektrik	-	0	6	15,905	4	11,789	10	27,694

Bil.	Jenis Perolehan	2012		2013		2014		Jumlah Keseluruhan	
		*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)	*Bil. BB	Jumlah (RM)
14.	Kerja Membersih Dan Membuang Algae Dan Fungus	2	19,800	-	0	-	0	2	19,800
15.	Membina Table Top Konkrit Di Stadium Hockey	2	19,200	-	0	-	0	2	19,200
Jumlah		110	740,555	194	848,316	151	692,343	455	2,281,214

Sumber : Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

*Nota : Bil. BB - Bilangan Baucar Bayaran

- b. **Maklum balas daripada PSNS bertarikh 8 Disember 2014**, menyatakan bahawa perkara ini telah mendapat perhatian penuh PSNS dan langkah-langkah untuk mempertingkatkan pengurusan perolehan terutama dari aspek penyenggaraan mulai tahun 2015 akan menggunakan kaedah *Key Focal Area* secara berperingkat yang melibatkan pelawaan sebut harga secara kontrak berjadual.

4.4.3.2. *Improper Payment*

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1980 menerangkan sesuatu pembayaran adalah “*improper*” jika pembayaran dibuat dengan tidak sewajar sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau amalan lazim yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Perenggan 2(e) surat pekeliling tersebut menetapkan apa-apa bayaran yang dibuat tanpa kuasa tertentu iaitu tanpa sijil berkenaan dari pegawai yang diberi kuasa benar dan meluluskan bayaran itu adalah *improper payment*. Perenggan 2(g) surat pekeliling yang sama menjelaskan apa-apa bayaran yang dibenarkan dan apa-apa bayaran yang dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa adalah merupakan *improper payment*.
- b. Semakan Audit mendapati 56 baucar bayaran berjumlah RM352,181 telah diperaku oleh pegawai yang tidak diberi kuasa untuk memperakukan kerja bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit seterusnya mendapati 4 baucar bayaran bernilai sejumlah RM38,620 telah dibayar tanpa perakuan perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7** dan **Jadual 4.8**.

Jadual 4.7
Pengesahan Kerja Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Tahun	Bilangan Baucar Bayaran	Jumlah (RM)
1.	2012	2	12,800
2.	2013	25	113,682
3.	2014	29	225,699
Jumlah		56	352,181

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

Jadual 4.8
Pembayaran Yang Dilakukan Tanpa Pengesahan Kerja Siap Dengan Sempurna

Bil	Baucar Bayaran		Perihal Baucar	Jumlah (RM)
	Nombor	Tarikh		
1.	1392/2013	14.11.2013	Memasang Metal Halide Flood Light Di Stadium Sarawak	9,300
2.	1393/2013	14.11.2013	Mengecat Dinding Tangga Konkrit Di Teres Tempat Duduk VIP Stadium Negeri	9,720
3.	1394/2013	14.11.2013	Mengecat Bim Dan Kolum Di Tempat Duduk Teres Atas Stadium Negeri	9,800
4.	983/2014	30.6.2014	Kerja Pembersihan Di Semua Track Larian Stadium Sarawak	9,800
Jumlah				38,620

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

- c. **Maklum balas daripada PSNS bertarikh 8 Disember 2014, menyatakan bahawa tindakan telah diambil bagi memastikan perkara ini tidak berulang dan pegawai yang mengesahkan kerja telah dilantik secara bertulis. Selain itu, siasatan dalaman akan dilaksanakan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan PSNS untuk tindakan selanjutnya.**

Pada pendapat Audit, PSNS tidak mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dalam membuat perbelanjaan dan melakukan *improper payment*. Pihak Audit juga berpendapat tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai berkenaan yang telah melanggari peraturan kewangan dengan segera.

4.4.4. Perancangan Penyenggaraan

4.4.4.1. Perancangan kerja penyenggaraan kecil dan rutin hendaklah dibuat bagi memastikan kemudahan sukan berada dalam keadaan yang baik dan peruntukan mencukupi bagi menampung perbelanjaan tersebut. Semakan Audit mendapati tiada rancangan dibuat untuk kerja penyenggaraan kecil dan rutin di PSNS. Kerja penyenggaraan dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan telah menyebabkan kerja penyenggaraan dibuat secara berulang dan ada kemudahan yang tidak disenggara. Contoh kerja penyenggaraan yang berulang adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Kerja Penyenggaraan Yang Berulang

Bil	Baucar Bayaran		Perihal Baucar	Kontraktor	Jumlah (RM)
	Nombor	Tarikh			
1.	443/2014	17.04.2014	Membersih Dan Mengecat	Mibit Enterprise	9,800
2.	584/2014	17.04.2014	Menggunakan Cat Gloss	Syarikat Suara	9,800
3.	723/2014	16.05.2014	Bumbung Stadium Perpaduan	Baru	9,800
4.	202/2014	14.02.2014	Mengecat Menggunakan Cat Gloss Struktur Besi Di Teres Zon B	Syarikat Suara	9,800
5.	441/2014	31.02.2014		Baru	9,700
6.	687/2014	30.04.2014	Memasang Metal Drain Cover Di Stadium Hoki	Syarikat Putrajaya	9,780
7.	855/2014	30.05.2014		Unique Service Trading Co.	9,700
Jumlah					68,380

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

4.4.4.2. Lawatan Audit di sekitar kawasan kemudahan sukan yang diurus oleh PSNS pada bulan Oktober 2014 mendapati tiada kerja penyenggaraan dilaksanakan di kawasan rumah pam sewerage yang sudah tidak berfungsi sejak 2010 dan kawasan gelanggang gasing. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan terakhir di kawasan gelanggang gasing adalah pada bulan Februari 2014. Semakan Audit seterusnya, mendapati tiada kerja penyenggaraan dilaksanakan di kawasan rumah pam sewerage Stadium Sarawak dalam tahun 2014. Keadaan adalah seperti di **Gambar 4.5** hingga **Gambar 4.8**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Sewerage Stadium Sarawak
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Sewerage Stadium Sarawak
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gelanggang Gasing, Kuching
Tarikh: 20 Oktober 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gelanggang Gasing, Kuching
Tarikh: 20 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, kemudahan sukan tidak disenggara dengan baik kerana PSNS tidak membuat perancangan kerja bagi penyenggaraan tahunan.

4.4.5. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Pengurusan kerja penyenggaraan bagi kemudahan sukan di PSNS adalah di bawah tanggungjawab Unit Pembangunan Dan Penyelenggaraan PSNS. Pemantauan kerja serta pengesahan kerja adalah di bawah tanggungjawab penyelia yang dilantik secara bertulis untuk setiap kemudahan sukan tersebut. Semakan Audit terhadap baucar bayaran yang dipilih sebagai sampel dan lawatan ke kawasan kemudahan sukan yang diurus oleh PSNS mendapati kualiti kerja bagi 2 kerja bernilai RM18,840 yang dilaksanakan kurang memuaskan. Semakan Audit seterusnya mendapati pengesahan kerja dibuat oleh kakitangan PSNS, Pembantu Tadbir, Gred N17 yang tidak dilantik secara bertulis untuk mengesahkan kerja. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.10** dan keadaan adalah seperti di **Gambar 4.9** hingga **Gambar 4.11**.

Jadual 4.10
Kualiti Perolehan Perkhidmatan Yang Kurang Memuaskan

Bil.	Perolehan	Jumlah (RM)	Catatan
1.	Kerja menyenggara gelanggang gasing, menukar pagar “chain link” lama dengan pagar “chain link” baru (200'L x 6'H)	8,990	Pagar didirikan tanpa ‘footing’ simen untuk mengukuhkan bahagian bawah pagar
2.	Membekal dan memasang 4 pintu plywood saiz 3'W'x6'H. Mengecat tingkap, siling rosak dan membersih pejabat dan bilik mesyuarat.	9,850	Kualiti kerja kurang memuaskan
Jumlah		18,840	

Sumber: Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

Gambar 4.9
Keadaan Pagar Chain Link Yang Tidak Kukuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gelanggang Gasing, Kuching
Tarikh: 20 Oktober 2014

Gambar 4.10

Keadaan Bilik Pejabat Di Gelanggang Gasing



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi : Gelanggang Gasing, Kuching

Tarikh: 20 Oktober 2014

Gambar 4.11

Keadaan Bilik Pejabat Di Gelanggang Gasing



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi : Gelanggang Gasing, Kuching

Tarikh: 20 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, PSNS perlu memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dengan teliti.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan menaik taraf dan menyenggara kemudahan sukan oleh Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan langkah berikut diambil:

4.5.1. Kementerian Pembangunan Sosial dan Perbadanan Stadium Negeri Sarawak hendaklah membuat perancangan yang menyeluruh dengan mengambil kira keadaan sebenar kemudahan sukan yang perlu dibaiki. Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah dipantau dengan teliti.

4.5.2. Perbadanan Stadium Negeri Sarawak hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai berkenaan yang telah melanggari peraturan kewangan dengan segera.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

5. AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Amanah Saham Sarawak Berhad (ASSB) telah diperbadankan pada 1 April 1993 dan merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. (PASB). Pemegang saham PASB terdiri daripada 4 agensi Kerajaan Negeri, iaitu Yayasan Sarawak (20.8%), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (16.7%), Pelita Holdings Sdn. Bhd. (10.4%), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (10.4%) dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (41.7%). Amanah Saham Sarawak Bhd. telah dilantik untuk mengurus satu-satunya dana unit amanah Negeri Sarawak berlandaskan Surat Ikatan bertarikh 20 Ogos 1993. Surat Ikatan ini melibatkan pemegang unit dana Amanah Saham Sarawak (ASSAR), ASSB selaku syarikat Pengurusan dan HSBC (Malaysia) Trustee Berhad selaku Pemegang Amanah dan Penjaga Tabung yang terdahulu. Pengurusan dan pengendaliannya kini adalah berlandaskan Surat Ikatan Tambahan Ke 11 bertarikh 16 Jun 2008 serta Surat Ikatan Tambahan Ke 12 bertarikh 14 Mei 2014 dengan pelantikan Amanah Raya Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah yang baru untuk dana ASSAR berkuat kuasa 1 Julai 2014. Modal dibenar ASSB adalah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta.

5.1.2. Objektif utama penubuhan ASSB adalah bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Bumiputera di Sarawak untuk turut serta di dalam aliran utama ekonomi menerusi pelaburan secara kolektif di dalam pasaran modal dan pasaran wang Malaysia. Aktiviti utama ASSB ialah perdagangan serta pengurusan unit dana ASSAR. Dana ASSAR telah dilancarkan pada 25 Ogos 1993. Saiz dana ASSAR yang dibenarkan adalah sebanyak 750 juta unit dan setakat akhir bulan Jun 2014 ASSB mengendalikan dana untuk 71,085 pelabur dengan nilai dana berjumlah RM550.61 juta.

5.1.3. Pada tahun 2013, ASSB mempunyai 6 ahli Lembaga Pengarah dan dianggotai oleh 8 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif, 13 pegawai eksekutif dan 16 kakitangan yang melaksanakan operasi harian. Pada akhir tahun 2013, ASSB mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM1.25 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM2.67 juta.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai prestasi kewangan ASSB memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat korporat ASSB dan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013 manakala pengauditan terhadap pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat dijalankan bagi tempoh 2011 hingga Jun 2014. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji, menganalisis data dan juga Laporan Tahunan Amanah Saham Sarawak sehingga Jun 2014. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan berasaskan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, temu bual dengan pegawai ASSB dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Juruaudit Dalam (Kumpulan), Pengurus (Kumpulan) Sumber Manusia, Pengurus Kumpulan Kewangan dan Perbendaharaan dan Pegawai Eksekutif Kewangan dan Perbendaharaan ASSB telah diadakan pada 24 Oktober 2014.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2014 hingga Ogos 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan serta pencapaian dan pulangan pelabur adalah kurang memuaskan manakala pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. Antara kelemahan yang boleh ditambah baik adalah seperti berikut:

- Amanah Saham Sarawak Berhad mengalami kerugian terkumpul selepas cukai pada akhir tahun 2013 sejumlah RM2.67 juta.
- Dana Amanah Saham Sarawak (ASSAR) hanya mampu membayar dividen kepada pelabur antara 1.5% hingga 2.0% bagi tempoh Jun 2011 hingga Jun 2014.
- Pelaburan dalam ekuiti telah mengalami kerugian belum direalisasi (*Net Unrealised Loss*) bagi tempoh Jun 2011 hingga Jun 2014 berjumlah RM38.51 juta.
- Mekanisme jaminan harga minimum RM1.00 bagi menyokong Nilai Aset Bersih (NAB) ASSAR membebangkan kewangan syarikat dan syarikat induk PASB.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan ASSB yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan ASSB.

5.4.1.1. Analisis Trend

a. Analisis Pendapatan


- i. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati ASSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.90 juta pada tahun 2011 dan RM2.49 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, ASSB mengalami kerugian berjumlah RM1.25 juta pada tahun 2013 disebabkan pengecualian fi pengurusan sejumlah RM4.32 juta. Pengecualian fi pengurusan berjumlah RM2.50 juta pada tahun 2011, RM0.20 juta pada tahun 2012 dan RM4.32 juta pada tahun 2013 telah mengakibatkan ASSB mengalami kerugian terkumpul selepas cukai berjumlah RM2.67 juta pada akhir tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 87.3% berbanding tahun 2012. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul ASSB bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1 dan Carta 5.2**.

**Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul ASSB
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	8.37	8.38	8.69
Pengecualian Fi Pengurusan	-2.50	-0.20	-4.32
Untung Kasar	5.87	8.18	4.37
Pendapatan Lain	0.31	0.36	0.46
Perbelanjaan Pentadbiran	-5.18	-5.98	-6.02
Kos Kewangan	-0.10	-0.07	-0.06
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	0.90	2.49	-1.25
Cukai	-	-	-
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	0.90	2.49	-1.25
Kerugian Terkumpul Selepas Cukai	-3.91	-1.42	-2.67

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

Carta 5.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- ii. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014, menyatakan pengecualian fi pengurusan merupakan satu usaha ASSB dalam menyalurkan manfaat terus kepada para pelabur ASSAR. Walaupun pendapatan ASSB dikurangkan dan mengakibatkan kerugian, dana ASSAR bertambah untuk diagihkan sebagai dividen kepada pelabur. Pengecualian ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASSB.**

b. Analisis Penghutang

- Analisis Audit terhadap penyata kewangan ASSB mendapati penghutang dagangan iaitu HSBC (Malaysia) Trustee Berhad pada akhir tahun 2013 berjumlah RM5.32 juta. Sejumlah RM1.69 juta atau 31.8% daripada jumlah tunggakan tersebut adalah melebihi 120 hari.
- Semakan Audit terhadap tunggakan hutang dari penghutang bukan dagangan terkumpul pada tahun 2013 adalah berjumlah RM3.20 juta. Penghutang Truepeace didapati tidak pernah membuat pembayaran bagi tempoh 2011 hingga 2013 dan sehingga akhir tahun 2013 jumlah tunggakan adalah RM51,831. Semakan lanjut Audit mendapati ASSB tidak mengeluarkan surat peringatan serta penyata akaun kepada pelanggan sebagai usaha mengutip balik tunggakan hutang tersebut. Butiran mengenai tunggakan hutang terkumpul adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Tunggakan Hutang Bukan Dagangan Terkumpul

Bil.	Senarai Penghutang Bukan Dagangan	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
1.	Permodalan Assar Sdn Bhd	1,946,271	4,657,483	2,847,455
2.	APPL Engineering Services Sdn Bhd	74,746	143,828	229,988
3.	ASSAR Services Sdn Bhd - PPRT	1,643,187	70,344	69,369
4.	Tenaga Kimia (Sarawak) Sdn. Bhd.	112	264	196
5.	Truepeace	51,831	51,831	51,831
Jumlah Hutang Bukan Dagangan		3,716,147	4,923,750	3,198,839

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Analisis Audit mendapati margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2013 adalah negatif seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	4.31: 1	5.89 : 1	3.79 : 1
Margin Untung Bersih	10.8%	29.7%	-14.3%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.07: 1	0.16: 1	-0.08: 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.08: 1	0.18: 1	-0.10: 1
Nisbah Hutang	0.18: 1	0.14: 1	0.21: 1

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa ASSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah 4.31:1, 5.89:1 dan 3.79:1. Ini menunjukkan nisbah semasa ASSB berada di atas norma 2:1. Kedudukan ini menunjukkan ASSB tidak menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap

ringgit jualan. Analisis Audit mendapati ASSB mencatatkan margin keuntungan sejumlah 11 sen dan 30 sen pada tahun 2011 dan 2012 manakala mencatat kerugian 14 sen bagi setiap ringgit jualan bagi tahun 2013. Kedudukan ini menunjukkan ASSB berupaya menjana keuntungan dengan aktiviti urus niaga yang dijalankan. Bagaimanapun, pengecualian fi berjumlah RM4.32 juta pada tahun 2013 telah memberi impak kerugian kepada syarikat.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset ASSB adalah positif pada tahun 2011 dan 2012 iaitu 7 sen dan 16 sen. Bagaimanapun, pada tahun 2013 nisbah pulangan ke atas aset mencatat negatif iaitu 8 sen iaitu disebabkan oleh pengecualian hasil fi pengurusan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti bagi tahun 2011 dan 2012 adalah positif iaitu 8 sen dan 18 sen. Bagaimanapun, pada tahun 2013, nisbah pulangan ke atas ekuiti mencatat negatif iaitu 10 sen. Pengecualian fi pengurusan pada setiap tahun dan pengecualian pada kadar yang tinggi iaitu RM4.32 juta pada tahun 2013 mengakibatkan kerugian serta pulangan negatif ke atas ekuiti.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati, nisbah hutang ASSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah memuaskan iaitu 0.18:1 pada tahun 2011, 0.14:1 pada tahun 2012 dan 0.21:1 pada tahun 2013. Ini menunjukkan aset yang sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang syarikat.

f. Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014 menyatakan nisbah kewangan yang negatif adalah disebabkan pengecualian sejumlah RM4.32 juta atau 49% daripada RM8.69 juta fi pengurusan.

Pada pendapat Audit, walaupun nisbah kewangan adalah positif bagi tahun 2011 dan 2012, prestasi kewangan ASSB bagi tempoh 3 tahun berturut-turut adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian terkumpul iaitu RM3.91 juta pada tahun 2011, RM1.42 juta pada tahun 2012 dan RM2.67 juta pada tahun 2013. Antara sebab kerugian ini adalah ASSB telah mengecualikan pendapatan dari fi pengurusan berjumlah RM2.50 juta pada tahun 2011, RM0.20 juta pada tahun 2012 dan RM4.32 juta pada tahun 2013.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

5.4.2.1. Sasaran Dan Pencapaian Pemasaran

- a. Unit Jualan Korporat dan Pemasaran adalah bertanggungjawab merancang, melaksana serta memantau aktiviti pemasaran dan memastikan semua pelaksanaan aktiviti pemasaran adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Pengurusan aktiviti adalah berpandukan *Corporate Marketing And Sales Manual* yang mana telah dikaji semula dan diluluskan pada bulan Julai 2012. Setakat Jun 2014, Unit ini diurus oleh 5 kakitangan.
- b. Bagi tempoh 2011 hingga bulan Jun 2014, ASSB merancang aktiviti pemasaran dengan mengadakan *market visits/road trips*, lawatan serta memberi taklimat di kaunter KWSP dan SPGA, menyertai Program Sejiwa Senada, mengadakan majlis untuk agen pemungut dan pelabur dan membuat pencarian akaun baru untuk akaun korporat. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.82 juta telah diperuntukkan untuk tujuan pemasaran bagi tempoh 2011 hingga bulan Jun 2014 dan sejumlah RM0.59 juta atau 71.9% telah dibelanjakan.
- c. Semakan Audit mendapati tidak kesemua aktiviti pemasaran yang dijalankan bagi tempoh 2011 hingga Jun 2014 menepati sasaran. Program lawatan semula untuk pelabur akaun KWSP tidak dibuat dengan aktif bagi tahun 2011 hingga 2013 iaitu dengan kadar 58% hingga 75.7% dan lawatan semula untuk kumpulan Korporat mencapai 81.3% sahaja. Aktiviti pemasaran untuk pencarian akaun baru kumpulan korporat aktiviti pemasaran dijalankan dengan kadar 16.7% hingga 33.3% berbanding sasaran yang ditetapkan.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati secara keseluruhannya ASSB gagal mencapai bilangan akaun baru dan jualan unit yang disasarkan kecuali bagi tahun 2012 di mana jualan unit pelaburan untuk korporat mencapai RM59.33 juta atau 247.2% berbanding sasaran RM24 juta. Sejumlah besar daripada amaun ini merupakan pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM53.55 juta iaitu RM34.10 juta bagi pelaburan langsung dan RM19.45 juta merupakan pelaburan tidak langsung oleh Kerajaan Negeri bagi 1 Azam Pelaburan Trust Account di mana Kerajaan Negeri hanyalah bertindak sebagai *custodian* bagi dana tersebut. Selain itu, didapati bilangan sasaran pelabur dan unit ringgit yang disasarkan dari tahun ke tahun

semakin rendah. Maklumat lanjut mengenai sasaran dan pencapaian mendapat akaun baru dan jualan saham melalui aktiviti pemasaran bagi tempoh 2011 hingga bulan Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4
Sasaran Dan Pencapaian Akaun Baru Dan Jualan Saham Bagi Tempoh 2011 Hingga Jun 2014**

Bil.	Aktiviti	2011		2012		2013		2014	
		Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
1.	Akaun Baru	780	76	740	129	300	103	101	61
	% Pencapaian		9.7%		17.4%		34.3%		60.4%
2.	Jualan Saham (RM Juta)	44.00	15.10	30.00	61.04	30.00	5.69	13.00	1.03
	% Pencapaian		34.3%		203.5%		19%		7.9%

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- e. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014, menyatakan Kementerian Kewangan mengenakan kekangan untuk penerbitan saham baru tajaan Kerajaan Negeri. Selain itu, peluang untuk mengembangkan sumber pendapatan baru bagi ASSB adalah terbatas kerana dana saham amanah ini dikhususkan untuk warga individu dan organisasi bumiputera negeri Sarawak sahaja. Bagaimanapun, sebagai usaha menarik lebih ramai pelabur, ASSB juga telah memperkenalkan skim Potongan Gaji ASSAR, Akaun Pendidikan ASSAR, Akaun Persaraan ASSAR dan memberi faedah sampingan iaitu insentif pelindungan takaful percuma. Skim serta insentif tersebut telah dilancarkan antara tahun 2002 hingga 2004.**

5.4.2.2. Prestasi Pendapatan Pelaburan Dana ASSAR

- a. Analisis Audit mendapati dana ASSAR telah memperoleh keuntungan bersih hasil daripada jualan pelaburan bagi tempoh 30 Jun 2011 hingga 30 Jun 2014 kecuali penurunan sebanyak 42.3% iaitu daripada RM8.21 juta pada tahun 2011 kepada RM4.74 juta pada tahun 2012. Pendapatan pelaburan juga meningkat sebanyak 63.3% iaitu daripada RM7.74 juta pada tahun 2012 kepada RM7.74 juta pada tahun 2013 dan meningkat sebanyak 22% pada tahun 2014 iaitu dari RM7.74 juta kepada RM9.44 juta setakat Jun 2014.
- b. Analisis Audit juga mendapati PASB telah menyumbang sejumlah RM8.30 juta bagi tempoh 30 Jun 2012 hingga 30 Jun 2014 bagi menampung pengagihan pulangan dana ASSAR. Butiran seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Prestasi Pendapatan Pelaburan ASSAR

Pendapatan Pelaburan	30 Jun 2011 (RM Juta)	30 Jun 2012 (RM Juta)	30 Jun 2013 (RM Juta)	30 Jun 2014 (RM Juta)
Faedah	0.69	0.73	1.98	2.47
Dividen	1.92	1.91	5.14	2.09
Keuntungan Bersih Daripada Jualan Pelaburan	8.21	4.74	7.74	9.44
Sumbangan daripada Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. (PASB)	-	3.00	2.40	2.80
Jumlah	10.82	10.38	17.26	16.81
Tolak: Perbelanjaan	2.22	1.93	4.89	5.72
Tolak: Cukai	0.27	0.12	0.27	0.69
Pengagihan daripada rizab direalisasi	8.33	8.33	12.10	11.09
Pengagihan daripada pengimbangan pengagihan	-	0.07	0.56	0.76
Jumlah Pengagihan Pulangan Bagi Tahun Semasa	8.33	8.32	11.54	11.01

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- c. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014, menyatakan PASB telah menyumbang secara langsung sejumlah RM86 juta atau 14.3% daripada jumlah pengagihan keseluruhan dividen dana ASSAR pada akhir Jun 2013.**

5.4.2.3. Mekanisme Jaminan Harga Minima Membebankan Kewangan ASSB Dan PASB

- a. ASSAR telah dilancarkan secara rasmi pada 25 Ogos 1993 iaitu pada masa Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) berada di atas paras 1,000 mata dan sebahagian besar pembelian ekuiti berlaku di sekitar tahap ini. Selepas 4 tahun penubuhannya, berlaku krisis kewangan Asia di mana KLCI telah jatuh daripada 968 mata atau 76 % dalam tempoh satu tahun setengah untuk mencatat penurunan ke 303 mata pada bulan Ogos 1998. Berikutan itu, dana ASSAR juga telah mengalami kemerosotan dalam NAB daripada paras tertinggi RM587.70 juta atau RM1.48 seunit pada Mac 1997 kepada hanya RM55.70 juta atau RM0.14 seunit pada 1 September 1998. Ini mengakibatkan penebusan besar-besaran oleh pemegang unit melibatkan RM70 juta untuk tempoh 6 bulan iaitu dari Julai hingga Disember 1998.
- b. Pelaburan dalam dana ASSAR merupakan pelaburan ekuiti jangka panjang yang dikategorikan sebagai dana pertumbuhan dan pendapatan (*growth income fund*). Permodalan ASSAR Sdn. Bhd. (PASB) iaitu syarikat induk ASSB ditubuhkan untuk bertindak sebagai jentera pelaburan selari (*parallel investment vehicle*) dan menyediakan jaringan keselamatan (*safety net*) kepada dana ASSAR bagi mengurangkan impak risiko pasaran dan kebergantungan dana ASSAR dalam menjana keuntungan pelaburan melalui pasaran saham.

- c. Mekanisme sokongan PASB kepada dana ASSAR merangkumi jaminan harga minima RM1.00 seunit (*minimum price guarantee mechanism*), sokongan kecairan (*liquidity support mechanism*) dan juga sokongan dividen (*dividen support mechanism*). Jaminan harga minima RM1.00 seunit ASSAR telah membantu melindungi para pemegang unit ASSAR daripada mengalami kerugian modal (*capital loss*) yang teruk semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1998, “*Dot-com Bust*” pada tahun 2001 dan ketika tercetusnya “*Sub-Prime loan crisis*” pada tahun 2009. Menerusi mekanisme sokongan dividen pula, setakat 30 Jun 2014, PASB telah menyumbang secara langsung sejumlah RM86 juta atau 14.3% daripada RM600 juta jumlah dividen yang telah diagihkan semenjak tahun 1993.
- d. Semakan Audit mendapati Klausula 4.2 perjanjian Jual Beli Tiga Pi (*Tri-partite*) antara PASB, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) dan Pemegang Amanah bertarikh 9 Ogos 2005 menetapkan:

“Upon exercise of such option by the Trustee, PASB and SFS hereby irrevocably and unconditionally undertakes to the Trustee (as agent and trustee for and on behalf of the Holders) that PASB shall sell and SFS shall purchase the Assets at the Sale Price, free from all encumbrances, liens, charges and other security interest, in accordance with this clause 4. The parties hereby agree that:

- (a) *In the event that the market value of the Assets at the Completion Date (as defined below) is higher than the sale Price, PASB shall only sell and SFS shall only purchase such portion of the Assets the market value of which is equivalent to the Sale Price;*
- (b) *In the event that the market value of the Assets at the Completion Date is lower than the Sale Price, PASB shall sell and SFS shall purchase all the Assets at the Sale Price and the Sale Price shall be payable by SFS and such Sale Price shall be deemed sufficient consideration for the sale and transfer of the Assets to SFS.”*
- e. Ini bermakna apabila pelaksanaan opsyen tersebut oleh Pemegang Amanah, PASB dan SFS secara muktamad dan Pemegang Amanah (sebagai ejen dan pemegang amanah bagi pihak Pemegang Saham) yang mana PASB boleh menjual dan SFS membeli Aset pada harga jualan, bebas dari segala beban, lien, caj dan faedah keselamatan yang lain. Pihak terbabit bersetuju bahawa:
 - i. Dalam hal nilai pasaran bagi Aset pada tarikh penyelesaian adalah lebih tinggi dari harga jualan, PASB hanya menjual dan SFS hanya membeli apa-apa bahagian daripada harta nilai pasaran yang setara untuk harga jualan;
 - ii. Dalam hal di mana nilai pasaran bagi Aset pada tarikh penyelesaian yang lebih rendah dari harga jualan, PASB boleh menjual dan SFS akan membeli semua Aset pada harga jualan dan harga jualan hendaklah dibayar oleh SFS dan harga jualan tersebut akan dianggap pertimbangan yang mencukupi untuk penjualan dan pemindahan aset kepada SFS.

- f. Semakan Audit mendapati setakat ini penjualan dan pembelian aset tersebut belum lagi dilaksanakan kerana PASB masih mampu memberi sokongan jaminan tersebut.
- g. Semakan Audit seterusnya mendapati PASB telah mengemukakan kertas kabinet serta surat bertarikh 9 Oktober 2014 kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (SKN) bagi permohonan bantuan daripada Kerajaan Negeri Sarawak dalam bentuk pelaburan tambahan sejumlah RM200 juta untuk menjamin pemulihan Nilai Aset Bersih (NAB) ASSAR. Bagaimanapun, pada pendapat Audit, pelaburan tambahan ini belum boleh menjamin pemulihan NAB kerana mekanisme jaminan harga minima RM1.00 seunit masih boleh menjelaskan jumlah edaran dana ASSAR. Sebaliknya, dikhuatiri boleh membebankan kewangan syarikat, PASB dan Kerajaan Negeri.

5.4.2.4. Pemantauan Prestasi Pelaburan Oleh Pengurus Dana

Syarikat ASSAR Asset Management Sdn. Bhd. (AMSB) telah dilantik untuk mengurus aktiviti pelaburan dana ASSAR selaras dengan perjanjian yang telah dimeterai pada 1 November 2004. Selain itu, ASSAR Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. juga dilantik memberi perkhidmatan pentadbiran *back office* termasuk penyedia laporan portfolio secara harian. Pemantauan secara berterusan juga dijalankan oleh SSM dan Panel Pelaburan yang mana dianggotai oleh 4 ahli Lembaga Pengarah ASSB. Manakala penilaian terhadap *Performance Of EPF Members Investment Scheme* telah dijalankan pada 2 Disember 2008 oleh syarikat Marsh Mercer Kroll.

5.4.2.5. Prestasi Pelaburan Dalam Ekuiti

- a. Amanah Saham Sarawak Berhad telah melantik Syarikat ASSAR Asset Management Sdn. Bhd. (AMSB) untuk mengurus aktiviti pelaburan dana ASSAR seperti perjanjian antara ASSB dan AMSB yang telah dimeterai pada 1 November 2004. Bayaran fi pengurusan adalah berdasarkan 0.40% atas nilai pasaran portfolio bersih yang dikira secara harian dan dicaj suku tahunan kepada ASSB. Amanah Saham Sarawak Berhad juga melantik ASSAR Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. untuk memberi perkhidmatan pentadbiran *back office* seperti penyediaan laporan perakaunan dana termasuk laporan portfolio secara harian, mingguan dan bulanan dengan fi sejumlah RM30,000 sebulan selaras dengan perjanjian yang dimeterai bertarikh 21 Disember 2012.
- b. Saiz dana ASSAR yang dibenar adalah sebanyak 750 juta unit. Setakat Jun 2014 NAB yang diurus oleh AMSB adalah 155,080,902 unit daripada 550,613,787 unit dalam edaran. Manakala baki sejumlah 395,532,886 unit merupakan jumlah jaminan yang perlu ditambah kepada nilai unit amanah untuk mengekalkan harga supaya tidak kurang daripada RM1.00 seunit. Semakan Audit mendapati dana tersebut telah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang dan juga pelaburan ekuiti, saham, atau debentur syarikat yang dibenarkan. Ini adalah berdasarkan Surat Ikatan Amanah dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM).


- c. Semakan Audit bagi tahun berakhir Jun 2011 mendapati dana ASSAR mencatatkan keuntungan RM18.96 juta atau 12% daripada jumlah yang dilaburkan. Manakala pelaburan berjumlah RM147.29 juta bagi tahun berakhir Jun 2012 mencatat kerugian RM4.44 juta. Pada tahun berakhir Jun 2013 dan 2014, keuntungan yang dicatatkan berjumlah RM20.24 juta dan RM13.18 juta iaitu 16.9% dan 10.9% daripada jumlah yang dilaburkan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.6** dan **Carta 5.3**.

Jadual 5.6
Prestasi Kewangan Dana ASSAR
Bagi Tempoh 2011 hingga 2014

Tahun	Kos Pelaburan	Untung/Rugi	
	Jumlah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Pulangan (%)
30 Jun 2011	159.73	18.96	11.9
30 Jun 2012	147.29	-4.44	-
30 Jun 2013	119.16	20.24	16.9
30 Jun 2014	121.44	13.18	10.9

Sumber: Amanah Saham Sarawak Saham Berhad

Carta 5.3
Prestasi Kewangan Dana ASSAR Bagi Tempoh 2011 hingga 2014



Sumber: Amanah Saham Sarawak Saham Berhad

- d. Setakat 30 Jun 2014, dana ASSAR telah dilabur di dalam 11 sektor di papan utama ekuiti disebut harga seperti pembinaan, barang pengguna, kewangan, perladangan, barang industri, hartanah, teknologi, amanah dan perdagangan dan perkhidmatan. Ianya melibatkan 79 kaunter dengan jumlah pelaburan sebanyak RM121.44 juta dan telah mencatat kerugian belum direalisasi berjumlah RM38.51 juta setakat 30 Jun 2014. Antara kaunter tersebut ialah Muhibbah Engineering (M) Berhad, IJM Corporation Berhad, CIMB Group Holdings, Malaya Banking Berhad, RHB Capital Berhad, Boustead Plantations Berhad, Felda Global Ventures, Sarawak Plantation Berhad, Cahaya Mata Sarawak Berhad, Petronas Chemicals Group Berhad, Ta Ann Holdings Berhad, Airasia Berhad, Dayang Enterprise Holdings Berhad, KPJ Healthcare Berhad, YTL Corporation Berhad, Axiata Group Berhad dan Perisai Petroleum Berhad. Ringkasan berdasarkan pecahan pelaburan mengikut sektor, kos pelaburan dan kedudukan pulangan portfolio setakat Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Pelaburan Ekuiti ASSAR Setakat 30 Jun 2014

Sektor	Kos Pelaburan (RM)	Nilai Pasaran (RM)	Pulangan Untung/(Rugi) Setakat 30 Jun 2014 (RM)
Pembinaan	14,143,751	11,297,440	-2,846,311
Barangan Pengguna	112,000	8,500	-103,500
Kewangan	14,899,903	13,945,000	-954,903
Perlادangan	7,559,187	6,185,243	-1,373,944
Barangan Industri	26,270,471	14,556,224	-11,714,247
Hartanah	13,641,451	10,090,658	-3,550,793
Teknologi	478,716	183,000	-295,716
Amanah (Real Estate Investment Trusts – REITs)	956,680	915,000	-41,680
Perdagangan & Perkhidmatan	39,714,849	25,553,069	-14,161,780
Pasaran ACE	1,670,000	200,000	-1,470,000
Pelaburan Ekuiti Tidak Disebutharga	1,993,662	0	-1,993,662
Jumlah Pelaburan	121,440,672	82,934,134	-38,506,538

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- e. Semakan Audit mendapati pelaburan ekuiti telah mengalami kerugian belum direalisasi (*net unrealised loss*) berjumlah RM35.67 juta, RM48.62 juta dan RM40.49 juta bagi tempoh Jun 2011 hingga Jun 2013. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014, menyatakan dana ASSAR ialah dana ekuiti yang dilaburkan di dalam pasaran utama Bursa Malaysia dan nilai pasaran dipengaruhi oleh pergerakan turun naik harga saham yang didagangkan.**
- f. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak SSM juga telah membuat pemeriksaan terhadap prestasi dana ASSAR pada tahun 2012. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:
 - i. Pelaburan dalam ekuiti mencatat kerugian belum direalisasi berjumlah RM46.70 juta dalam 82 kaunter setakat 31 Mac 2012.
 - ii. Pengagihan pulangan kepada pemegang unit saham adalah daripada pengecualian fi pengurusan dan sumbangan dari PASB.
 - iii. Penebusan/jualan balik berjumlah RM16.41 juta berbanding belian RM4.77 juta setakat Mac 2012.
 - iv. Mekanisme Jaminan Harga bagi dana ASSAR mungkin tidak mencukupi untuk Pemegang Amanah mengukur trend dan tahap tekanan dana apabila penebusan/jualan balik sebenar dibuat oleh pelabur.
 - v. Polisi dan prosedur terhadap mekanisme jaminan harga dana ASSAR tidak disediakan.

- g. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014**, menyatakan pihak SSM telah dimaklumkan berkenaan pelan tindakan strategik untuk memulihkan NAB dana ASSAR. Pelan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Mac 2012 meliputi polisi pelupusan (*writing off*) kerugian belum direalisasi melalui modal dana ASSAR (*against the Fund's capital*) dan pelan ini perlu mendapat kelulusan pihak SSM. Amanah Saham Sarawak Berhad telah mempertingkatkan proses profil risiko (*risk profiling*) pemegang unit dana ASSAR bagi tujuan “*redemption trend analysis*” untuk mengurus tekanan jualan balik unit di masa hadapan. Satu jawatankuasa juga telah dibentuk setakat akhir 2013 untuk menggubal polisi. Carta aliran (*flow chart*) pelaksanaan mekanisme jaminan harga telah digubal dan menunggu kelulusan oleh Lembaga Pengarah PASB.

5.4.2.6. Pengagihan Dividen Rendah

- a. Pengagihan tahunan ataupun interim adalah berdasarkan kepada jumlah pulangan tabung dan dibuat dalam bentuk tunai atau unit tambahan selepas berakhirnya tahun kewangan dana atau selepas tempoh tertentu yang ditetapkan. Setiap pengagihan dividen dipersetujui oleh ASSB dengan Pemegang Amanah.
- b. Semakan Audit seterusnya mendapati pengagihan dividen kepada pemegang unit ASSAR adalah rendah dan ini merupakan faktor ketara yang menyumbang kepada kemelesetan bilangan pelabur dan peningkatan aktiviti jual balik pegangan. Adalah didapati kadar dividen bagi tempoh tahun berakhir 30 Jun 2011 hingga Jun 2014 antara 1.5 % hingga 2% sahaja dengan jumlah agihan antara RM8.33 juta hingga RM11.54 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Pengagihan Pulangan Tahunan Kepada Pelabur
Bagi Tempoh Jun 2011 Hingga Jun 2014

Tahun	Jumlah (RM Juta)	Kadar (%)
2011	8.33	1.5
2012	8.32	1.5
2013	11.54	2.0
2014	11.01	2.0

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- c. Adalah didapati ASSB telah mengecualikan fi pengurusan sejumlah RM65.78 juta bagi tempoh 20 tahun iaitu sejak Jun 1994 hingga Jun 2014. Jumlah yang disumbangkan oleh PASB bagi tujuan sokongan dividen adalah sejumlah RM86 juta. Manakala sejumlah RM194.06 juta jumlah jaminan telah dibiayai oleh dana ASSAR sendiri bagi tujuan penebusan/penjualan balik unit (*redemption units*) oleh pelabur semenjak mekanisme jaminan harga minimum RM1.00 seunit diperkenalkan.

- d. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014, menyatakan setakat 30 Jun 2014, hanya RM155.08 juta atau 28% daripada nilai keseluruhan dana ASSAR yang diurus oleh AMSB adalah dalam bentuk nyata (*tangible*) berbanding RM395.53 juta dalam bentuk jaminan atau *paper guarantee*. Walaupun dana ASSAR telah mencatatkan pulangan keuntungan pada kadar 10.9–16.9% bagi tempoh 2011 hingga 2014, kadar pengagihan yang diumumkan adalah jauh rendah. Ini kerana asas yang digunakan adalah berdasarkan NAB di mana sebanyak 72% daripada nilai edaran adalah *intangible* dan tidak dilaburkan.**

5.4.2.7. Pengecualian Fi Pengurusan

Pelabur ASSAR dijamin harga minima iaitu RM1.00 seunit selaras dengan surat ikatan tambahan kesebelas bertarikh 16 Jun 2008. Nilai RM1.00 seunit dana ASSAR terbahagi kepada NAB portfolio aset nyata dana ASSAR pada nilai semasa pasaran ditambah dengan nilai jaminan. Sebarang perubahan kepada NAB dana ASSAR (di bawah paras RM1.00 seunit) akan diseimbangkan oleh perubahan nilai jaminan bagi membolehkan harga minima dana ASSAR dikekalkan pada RM1.00 seunit. Nilai jaminan merupakan aset tidak nyata (*intangible asset*) dan jumlahnya dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Adalah didapati fi pengurusan yang dikenakan oleh ASSB adalah pada kadar 1.5% setahun daripada NAB ASSAR. Bagaimanapun, ASSB telah mengecualikan fi pengurusan berjumlah RM7.02 juta iaitu 27.6% daripada RM25.44 bagi tempoh 2011 hingga 2013 berjumlah RM25.44 juta bagi memaksimakan keuntungan dana ASSAR bagi tujuan pengagihan dividen kepada pemegang unit.

5.4.2.8. Prestasi Pengumpulan Dana Pegangan Saham

- a. Jumlah maksimum dana yang telah ditetapkan oleh ASSB dengan persetujuan Pemegang Amanah dan diluluskan oleh SSM adalah 750 juta unit. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Jun 2014, pegangan dana saham dalam edaran berjumlah 550.60 juta unit iaitu termasuk pegangan oleh Pengurus (*Manager's Box*) berjumlah RM0.30 juta.
- b. Semakan Audit seterusnya mendapati walaupun bilangan pemegang individu bumiputera awam merupakan 99.8% iaitu 70,961 daripada 71,085 jumlah pemegang, didapati jumlah nilai unit yang dipegang hanya 13.4% sahaja iaitu RM73.60 juta. Baki 86.6% atau RM476.71 daripada dana dipegang oleh pelabur kelas korporat terdiri daripada Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan Negeri, Lembaga-lembaga Amanah, Persatuan, Pertubuhan dan Koperasi.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 1993 seramai 76,685 pemegang individu telah mendaftar dengan nilai pelaburan RM476.82 juta unit manakala 61 agensi korporat mendaftar dengan nilai pelaburan RM21.81 juta unit. Semakan Audit

seterusnya mendapati bagi tempoh 20 tahun seterusnya iaitu dari tahun 1994 sehingga Jun 2014, jumlah pelabur meningkat kepada 122,785 iaitu 122,563 bagi pelabur individu dan 222 pelabur kelas korporat. Bagaimanapun, sehingga Jun 2014 bilangan pelabur yang aktif menurun kepada 71,085 iaitu 70,961 pelabur individu atau penurunan 42.1% dengan pegangan bernilai RM73.60 juta. Manakala pelabur kelas korporat menurun kepada 124 atau 44.1% dengan pegangan bernilai RM476.71 juta.

- d. Semakan serta analisis Audit seterusnya mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2014, dana pelaburan ASSB mengalami kesusutan sejumlah RM15.91 juta. Ini adalah disebabkan nilai urusniaga jualan unit pegangan berjumlah RM82.84 juta lebih rendah berbanding jumlah nilai urusniaga jualan balik berjumlah RM98.75 juta. Maklumat lanjut mengenai urusniaga jual balik dan pembelian unit saham oleh pemegang dana ASSAR adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Urusniaga Jual Balik Dan Pembelian Unit Bagi Tempoh 2011 Hingga Jun 2014

Pemegang	Pembelian	Jualan Balik	Tambahan/(Kesusutan)
	2011 – Jun 2014	2011 – Jun 2014	2011 – Jun 2014
	Unit / (RM)	Unit / (RM)	Unit / (RM)
Individu	6,379,896	38,247,799	-31,867,903
Korporat	76,464,476	60,503,511	15,960,965
Jumlah	82,844,372	98,751,310	15,906,938

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- e. Analisis Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Jun 2014 terdapat hanya 185 atau 0.26% daripada 70,961 pelabur individu mempunyai baki pelaburan RM50,000 dan ke atas dengan jumlah nilai pelaburan RM22.73 juta atau 31% daripada nilai keseluruhan pegangan individu. Manakala 66,573 pemegang atau 93.8% mempunyai baki nilai pegangan RM2,500 dan ke bawah (kadar RM2,500 merupakan amaun yang ditetapkan untuk Program Pemulihan Rakyat Termiskin Terpilih ASSAR). Kedudukan saiz pegangan oleh pelabur individu adalah seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Kedudukan Saiz Pegangan Oleh Pelabur Individu Setakat Jun 2014

Saiz/ Nilai Pegangan (RM)	Pemegang Individu	
	Bilangan	Jumlah (RM Juta)
500,000 dan ke atas	4	3.54
100,000 – 499,999.99	55	10.28
50,000 – 99,999.99	126	8.91
10,000 – 49,999.99	958	18.48
2,500.01 – 9,999.99	3,245	14.10
<i>2,500 and below</i>	66,573	18.29
Jumlah	70,961	73.60

Sumber: Amanah Saham Sarawak Berhad

- f. Adalah diperhatikan ASSB sekarang bergantung lebih kepada kelas korporat terutamanya Kerajaan Negeri serta agensi Kerajaan Negeri untuk mengekalkan dana yang tinggi. Setakat bulan Jun 2014, jumlah pelaburan daripada kelas korporat adalah RM476.71 atau 86.6% daripada RM550.32 juta keseluruhan dana.

Pada pendapat Audit, mekanisme jaminan harga telah memberi impak negatif terhadap prestasi dana ASSAR dan membebankan kewangan syarikat, PASB dan juga Kerajaan Negeri. Manakala dividen yang diagihkan kepada pelabur amat rendah dan telah mengakibatkan jualan balik unit saham yang semakin meningkat.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus, bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat ASSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007, Garis Panduan Dana Unit Amanah dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

5.4.3.1. Struktur Organisasi Dan Pelan Peralihan

Strategi organisasi serta pengurusan sumber manusia perlu ada bagi membolehkan fungsi utama dan fungsi sokongan syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berterusan. Struktur organisasi yang jelas diwujudkan untuk menunjukkan tanggungjawab terhadap pengurusan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan ASSB telah menyediakan struktur organisasi dan Pelan Peralihan dengan teratur.

5.4.3.2. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati pelantikan, yuran dan emolumen semua ahli Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung Lembaga ASSB.

5.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ASSB diadakan 4 kali setahun seperti yang ditetapkan.

5.4.3.4. Rancangan Korporat

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati ASSB ada menyediakan rancangan korporat serta telah menetapkan visi serta misi syarikat.

5.4.3.5. Perancangan Strategik

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati ASSB ada menyediakan perancangan strategik perniagaan syarikat untuk 10 tahun dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 25 Jun 2014.

5.4.3.6. Standard Operating Procedures (SOP)

Amanah Saham Sarawak Berhad ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Semakan Audit mendapati semua SOP telah didokumenkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah ASSB.

5.4.3.7. Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menujuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalam pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalam yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati ASSB telah menujuhkan *Group Compliance* dan Jawatankuasa Audit serta UAD termasuk terma rujukan jawatankuasa. Jawatankuasa tersebut didapati telah menjalankan pengauditan bermesyuarat setiap suku tahun dengan pembentangan laporan Audit.

5.4.3.8. Corporate Integrity Pact

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corporate Integrity Pact (CIP)* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati ASSB belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact*. **Maklum balas daripada ASSB bertarikh 24 Oktober 2014 menyatakan meskipun ASSB tidak melaksanakan Corporate Integrity Pact, penglibatan di dalam industri pasaran modal yang dikawal selia dengan ketat (*highly regulated industry*) memerlukan ASSB untuk melaksanakan amalan perniagaan yang sihat, tadbir urus korporat yang baik di samping mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.** Aktiviti-aktiviti ASSB berkaitan pengurusan dana ASSAR, termasuk proses perolehan (*procurement*), dipantau oleh pihak berkuasa seperti SSM dan *Federation of Investment Managers Malaysia (FiMM)*. Syarikat dan warga kerja ASSB juga terikat oleh Kod Etika kumpulan ASSAR, yang juga merujuk kepada *Code of Ethics and Rules of Professional Conduct (Unit Trust Funds)* keluaran FiMM, yang mengawal selia perkara-perkara berkaitan faedah peribadi, konflik kepentingan, tatacara berurus dengan pembekal, salah guna kedudukan dan hubungan, dan sebagainya.

5.4.3.9. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan mendapati kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset adalah memuaskan.

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan syarikat adalah baik.

5.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan dan mencapai objektif penubuhannya, pengurusan Syarikat Amanah Saham Sarawak Berhad adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. Menyemak semula kaedah pelaksanaan mekanisme jaminan harga RM1.00 seunit bagi mengurangkan bebanan kewangan syarikat, Permodalan ASSAR Sendirian Berhad dan Kerajaan Negeri. Begitu juga wajar disemak semula asas yang digunakan bagi menetapkan Nilai Aset Bersih supaya jumlah dana unit dalam edaran boleh ditingkatkan untuk dilabur.

5.5.2. Penilaian bebas oleh pihak ketiga untuk mendapat maklum balas yang lebih objektif mengenai prestasi pengurusan serta pelaburan dana.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

21 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya